

قیته قیته

PETIKAN TITAH

"DALAM memberi tumpuan kepada golongan muda, kebaikan dan pemedulian terhadap warga emas juga jangan diabaikan. Kerana mereka itu lebih-lebih lagi memerlukan sokongan dan pemedulian".

- Titah Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-35 Bagi Tahun 2019.



**Pelita
BRUNEI**
Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

Hujung Minggu

ڦلڊوڻي

Waktu Sembahyang

IMSAK SUBUH SYURUK DUHA ZUHUR ASAR MAGHRIB ISYAK

5.07

5.17

6.35

6.58

12.35

3.55

6.33

7.44

TAHUN 65 / BILANGAN 20

15 FEBRUARI 2020 / 1441 جمادى الآخر 21

JABATAN PENERANGAN

Daerah Belait ditambah 3 Minit
dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

EDISI SABTU / PERCUMA

Berkenan menerima mengadap



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan menerima mengadap, Ketua Menteri Sabah, Yang Amat Berhormat Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal dan isteri, Yang Amat Berbahagia Datin Seri Panglima Hajah Shuryani binti Datuk Shuaib, yang berada di negara ini atas lawatan peribadi. - Foto : Hamzah Mohidin (Lihat muka 2).

Kekalkan tema 'Menjayakan Wawasan Negara'



منجایاکن واوشن نخرا
MENJAYAKAN WAWASAN NEGARA
23 FEBRUARI 2020

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 12 Februari. - Dengan bertemakan 'Menjayakan Wawasan Negara', Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-36, Tahun 2020, satu Sidang Media Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-36, Tahun 2020 di pengerusikan oleh Setiausaha Tetap (Pentadbiran, Kewangan dan Estet) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Pengiran Mohammad Amirzill bin Pengiran Haji Mahmud selaku Setiausaha Bersama Jawatankuasa Tertinggi sambutan tersebut.

Menurutnya, tema sambutan dikekalkan

Ke muka 3

Majlis Kesyukuran sempena Hari Kebangsaan

Siaran Akbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 14 Februari. - Negara Brunei Darussalam akan menyambut Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-36, Tahun 1441 / 2020 pada 23 Februari 2020 dengan tema Sambutan Hari Kebangsaan Tahun ini ialah 'Menjayakan Wawasan Negara'.

Sehubungan itu, Majlis Kesyukuran Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-36, Tahun 1441H / 2020M akan diadakan secara serentak di keempat-empat daerah di semua masjid, surau dan balai ibadat seluruh negara dengan tumpuan utama di Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan pada petang Sabtu malam Ahad, 28 Jamadilakhir 1441 bersamaan 22 Februari 2020 mulai jam 5.45 petang.

Ke muka 2

مانیسش ایمان

MANISNYA IMAN

"MEREKA bertanya kepadamu (wahai Nabi Muhammad) mengenai arak dan judi. Katakanlah : Pada kedua-duanya ada dosa besar dan ada pula manfaat-manfaatnya bagi manusia, tetapi dosa kedua-duanya lebih besar daripada manfaatnya".
- Firman Allah Subhanahu Wata'alá dalam Surah Al-Baqarah, Ayat 219.

IKUTI KAMI DI



APLIKASI
MUDAH ALIH
InfoDeptBN

Jabatan Penerangan Jabatan Perdana Menteri Brunei Darussalam

infodept.bn infodept_bn

Berita Utama



BERSAMA mencegah jangkitan COVID-19
Muka 4



MENTERI Pertahanan Kedua terima kunjungan hormat
Muka 5



PELETAKAN batu asas rumah milik Baitul Mal
Muka 7



PANGKALAN Waris tarikan Kampung Penapar
Muka 22

Berkenan menerima mengadap



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan bergambar bersama Ketua Menteri Sabah, Yang Amat Berhormat Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal dan isteri, Yang Amat Berbahagia Datin Seri Panglima Hajah Shuryani binti Datuk Shuaib yang berada di negara ini atas lawatan peribadi.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Hamzah Mohidin

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 12 Februari. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam berkenan menerima mengadap, Ketua Menteri Sabah, Yang Amat Berhormat Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal dan isteri, Yang Amat Berbahagia Datin Seri Panglima Hajah Shuryani binti Datuk Shuaib yang berada di negara ini atas lawatan peribadi.

Majlis Mengadap tersebut berlangsung di Istana Nurul Iman.

Dari Sidang Pengarang.

15 FEBRUARI 2020 BERSAMAAN 1441 جادی الآخر

DOA, BERJEMAAH ERAT PERPADUAN

DOA merupakan permintaan atau permohonan kepada Tuhan. Doa adalah jalinan ikatan di antara Allah Subhanahu Wata'ala dan manusia. Tidak ada had untuk kita berdoa, malah doa yang akan membawa faedah kepada setiap orang.

Antara cara kita mendapat keberkatan di dunia dan akhirat juga adalah dengan mengamalkan doa dalam hidup kita. Antara waktu yang paling afdal untuk kita berdoa adalah di antara azan dan iqamat, di mana Allah Subhanahu Wata'ala akan menerima doa berkenaan.

Selain itu, kita dapat memohon doa secara berjemaah. Semakin ramai orang berdoa dan mengaminkan, maka semakin yakin doa kita akan dimakbulkan. Kita dapat berdoa sama ada menggunakan bahasa Arab atau bahasa Melayu.

Agama Islam adalah agama perpaduan. Ia menyatukan hubungan dalam individu, masyarakat atau kumpulan. Banyak perkara yang boleh dicapai melalui perpaduan. Ia mengujudkan keharmonian di antara masyarakat.

Konsep perpaduan dipandang sangat tinggi oleh Islam. Ia merupakan kewajipan dan sangat dianjurkan dalam kehidupan sehari-hari kita, sama ada dalam keluarga, pejabat mahupun urusan perniagaan juga sebagainya.

Jika ingin menghasilkan umat Islam yang bersatu, maka kita perlu mengutamakan asas perpaduan. Salah satu asas perpaduan dan tunjang untuk menegakkan perpaduan umat Islam itu ialah dengan melazimkan sembahyang berjemaah di masjid-masjid.

Sembahyang berjemaah, terdapat perpaduan hati dalam ibadat di antara imam dan maknum, di mana sembahyang berjemaah mampu mengeratkan silaturahim dan persaudaraan sesama Muslim.

Secara tidak langsung, kita juga berganding bahu untuk mengangkat darjah, kemuliaan, kebenaran juga kesucian agama kita tanpa mengira warna, kaum dan kedudukan pangkat. Sama seperti kita di mata Allah Subhanahu Wata'ala.

Ganjaran bagi orang-orang yang menuaikan sembahyang berjemaah adalah lebih besar dan utama daripada orang-orang yang menuaikan sembahyang secara bersendirian. Allah sangat suka dan memberikan pelbagai kelebihan juga fidlat besar kepada mereka yang mengerjakan sembahyang berjemaah, terutamanya di masjid-masjid.

Antara adab yang disarankan selepas sembahyang berjemaah ialah untuk mengaminkan juga menunggu hingga doa selesai dibacakan oleh imam dan bukannya terburu-buru meninggalkan masjid.

Berdoa ketika bersembahyang berjemaah lebih tinggi doa dimakbulkan, namun jika berdoa tanpa usaha tidak akan membawa apa-apa, namun jika berdoa untuk perlindungan dan keselamatan, ia lebih baik dilaksanakan bersama secara berjemaah ju.

Usaha tangga kejayaan itu kelazimannya, namun jika usaha tanpa doa bagaimana keadaannya?, begitu juga sekadar berdoa tanpa usaha apa kesudahannya?, Usaha, doa dan tawakal kepada Allah Subhanahu Wata'ala jangan dilupa dan perlu sentiasa.

Ingat jua akan tanggungjawab kepada sesama, jangan hanya berdoa untuk kebaikan sendiri cuma, tetapi tidak ada ruginya untuk berdoa untuk kebaikan bersama, begitu juga dalam melaksanakan tugas jua, perlu dilaksanakan bersama.

Jangan hanya memikir akan kepentingan sendiri cuma, ingat bahawa segala kerja terutama dalam struktur organisasi memerlukan kepada kerja berpasukan jua, bukan hanya kepada individu cuma, tetapi kepada rakan sepasukan lainnya, bak sebuah jentera memerlukan kepada peralatan sebesar skru jua untuk berfungsi sebaiknya.

- Ketua Penyuntingan (Nb).

Majlis Kesukuran sempena Hari Kebangsaan

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

Dari muka 1

Orang ramai adalah dialu-alukan untuk sama-sama hadir ke masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadat di seluruh negara pada petang Sabtu malam Ahad, 28 Jamadilakhir 1441 bersamaan 22 Februari 2020 mulai jam 5.45 petang dengan tumpuan utama di Masjid Omar


'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan dan beberapa masjid tumpuan yang lain iaitu seperti berikut :

Bagi Daerah Brunei dan Muara di Jame' 'Asr Hassanal Bolkiah, Kampung Kiarong; Masjid Hassanal Bokiah, Kampung Mentiri; Masjid Al-Amerah Al-Hajjah Maryam, Kampung Jerudong; Masjid Mohamed Bolkiah, Kampung Serusop; Masjid Sultan Sharif Ali, Mukim Sengkurong; Masjid Al-Muhtadee Billah, Kampung Sungai Kebun; Masjid Setia

Ali, Pekan Muara dan Masjid Perpindahan Lambak Kanan.

Manakala bagi Daerah Belait di Masjid Muhammad Jamalul Alam, Kuala Belait; Masjid RPN Kampung Pandan, Kuala Belait dan Masjid Pekan Seria, Daerah Belait.

Sementara bagi Daerah Tutong diadakan di Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong dan Daerah Temburong di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar.



WAKTU SEMBAHYANG

firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud: "...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasy' dan mungkar."

Masihi FEBRUARI	HARI	Hijrah JAMADILAKHIR	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
15	SABTU	21	5.07	5.17	6.35	6.58	12.35	3.55	6.33	7.44
16	AHAD	22	5.07	5.17	6.35	6.58	12.35	3.55	6.33	7.44
17	ISNIN	23	5.07	5.17	6.35	6.58	12.35	3.54	6.33	7.44
18	SELASA	24	5.06	5.16	6.35	6.58	12.35	3.54	6.34	7.44
19	RABU	25	5.06	5.16	6.35	6.57	12.35	3.54	6.34	7.44
20	KHAMIS	26	5.06	5.16	6.35	6.57	12.35	3.54	6.34	7.44
21	JUMAAT	27	5.06	5.16	6.34	6.57	12.35	3.53	6.34	7.44

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

TALIAN KECEMASAN

AMBULANS 991 | POLIS 993 | BOMBA 995 | PENYELAMAT 998

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT.
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam
NDMC 123 2380214

Kekalkan tema 'Menjayakan Wawasan Negara'

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Azmah Haji Ahad

Dari muka 1

Katanya, acara Kemuncak Sambutan, iaitu Perhimpunan Agung Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-36, Tahun 2020 akan diadakan pada Ahad, 29 Jamadilakhir 1441 bersamaan 23 Februari 2020 di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan, bermula jam 7.30 pagi.

Latihan-latihan bagi acara Persembahan Padang ujarnya, melibatkan lebih kurang 7,000 orang penuntut dan warga perkhidmatan awam rancak diadakan di sekolah-sekolah dan kompleks-kompleks sukan, termasuk Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas. Latihan Bersepudu / Penuh akan diadakan pada Isnin, 17 Februari 2020; Selasa, 18 Februari 2020; dan Khamis, 20 Februari 2020, bermula jam 9.00 pagi, di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan.

"Untuk sambutan tahun ini, 161 buah pasukan yang melibatkan 26,534 peserta telah mendaftar untuk menyertai acara perbarisan lalu, yang mana telah dibahagikan kepada 15 kluster, iaitu Keselamatan Negara, Masyarakat Bestari, Perkhidmatan Awam, Sosioekonomi, Pendidikan Pasca Menengah, Pendidikan Menengah, Pendidikan Swasta, Takmir Masjid, Persatuan Profesional, Pergerakan Belia, Pergerakan Wanita, Persatuan Sukan, Persatuan Umum, Masyarakat Umum, dan Pasukan Generasi Berwawasan. Juga turut menyertai perbarisan lalu pada tahun ini ialah Kontinen Negara Brunei Darussalam ke Sukan Asia Tenggara Ke-30, 2019, Filipina yang mengharumkan nama negara tahun lepas."

"Majlis Pengagihan Bendera Kecil Meja dan Program Semarak Pengibaran Bendera akan dijalankan secara serentak pada Sabtu, 15 Februari 2020 di empat daerah, di mana Majlis Utama Pengagihan Bendera Kecil Meja dan Program Semarak Pengibaran Bendera akan diadakan di Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Lumut, Kuala Belait, di mana tetamu kehormatnya nanti ialah



SIDANG Media Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan NBD Ke-36, Tahun 2020 dipengerusikan oleh Setiausaha Tetap (pentadbiran, Kewangan dan Estet), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) (tengah), di Dewan Citra Budaya, KKBS.

Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheeteria Sahibun Najahah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar, Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, selaku Timbalan Pengurus Bersama Jawatankuasa Tertinggi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-36, Tahun 2020. Acara yang ditumpukan kepada pelajar-pelajar sekolah rendah, menengah dan ugama, termasuk institusi pengajaran swasta ini adalah bertujuan untuk memupuk dan memperkasa semangat patriotisme dan kemegahan menjunjung bendera negara dari peringkat akar umbi. Majlis yang sama juga diadakan di Sekolah Rendah Pengiran Anak Puteri Besar, Sungai Kebun, Daerah Brunei dan Muara; Sekolah Chung Hwa, Daerah Tutong; dan Sekolah Ugama Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Pekan Tutong;

"jelasnya.

Upacara Menaikkan Bendera Besar Negara Brunei Darussalam jelasnya, menandakan bermulanya Pengibaran Bendera Negara akan diadakan pada Ahad, 22 Jamadilakhir 1441 bersamaan 22 Februari 2020, bertempat di Kawasan Lapang Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Bandar Seri Begawan, bermula jam 8.00 pagi, tetamu kehormat pada majlis tersebut, Menteri Sumber-sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ali

bin Haji Apong. Katanya, sebagai sebuah negara yang sentiasa mengharapkan taufik dan hidayah Allah Subhanahu Wata'ala juga keberkatan dalam membangun dan memajukan negara ini, beberapa acara keagamaan akan diadakan sempena sambutan tahun ini. Majlis Kesukuran dan Sembahyang Fardu Maghrib dan Isyak Berjemaah, Membaca Surah Yaa Siin dan Doa Kesukuran akan diadakan pada Sabtu, 28 Jamadilakhir 1441 bersamaan 22 Februari 2020, bermula jam 5.45 petang, di Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan sebagai tumpuan utama. Majlis kesukuran ini diadakan secara serentak di semua masjid, surau-suruau dan balai ibadah seluruh negara, di mana di Daerah Tutong, tumpuan utama ialah di Masjid Hassanal Bolkiah, Pekan Tutong; di Daerah Belait tumpuan utama di Masjid Mohammad Jamalul Alam, Kuala Belait; dan di Daerah Temburong tumpuan utama ialah di Masjid Utama Mohammad Salleh, Pekan Bangar.

Seterusnya beliau menjelaskan mengenai dengan Upacara Menurunkan Bendera Besar akan diadakan pada Selasa, 25 Februari 2020, jam 2.15 petang, di Kawasan Lapang Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Bandar Seri Begawan, di mana tetamu kehormat pada majlis itu nanti, Timbalan Menteri Tenaga, Kementerian Tenaga,

Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Matsatejo bin Sokiaw.

Bagi memeriahkan lagi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-36, Tahun 2020, Riadah Berbasikal Semangat Kebangsaan akan diadakan pada Ahad, 6 Rejab 1441 bersamaan 1 Mac 2020, di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, di mana akan bermula pada jam 7.00 pagi.

"Di samping itu, beberapa aktiviti acara-acara keraian / sampaikan akan diadakan sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-36, Tahun 2020. Ini termasuklah Larian Hari Kebangsaan 2020 (29 Mac 2020); Majlis Khatam Al-Quran 36 Kali (5 Mac 2020); Pertandingan Bicara Berirama (9 April 2020); Kejohanan Gasing Pangkah Terbuka (13 - 15 Mac 2020); Pesta Buku Brunei (28 Februari - 08 Mei 2020); Program Belia Cinta Tanah Air Kali Ke-15 (11 - 25 Februari 2020); dan Kempen Kesedaran dan Bimbingan bagi Ibu dan Anak (12 - 16 Februari 2020)," ujarnya.

Beliau juga mengalukan bagi mana-mana pihak yang ingin menganjurkan acara-acara keraian bersempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-36, Tahun 2020 untuk menghadapkan ke pihak Urus Setia Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-36, Tahun 2020 di alamat e-mel urusetiahk@kkbs.gov.bn bagi sebarang tindakan lanjut mengenainya.

Menyentuh mengenai Logo Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-36, Tahun 2020 beliau berkata, ia diilhamkan daripada motif kain tenunan Brunei, iaitu Bunga Putar, yang membawa pengertian sebagai khazanah negara berperanan penting dalam pembentukan sebuah negara bangsa; juga bayangan kepada Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara yang kekal mekar, dan pembangunan yang dinamik serta sentiasa menjunjung falsafah



منجایاکن واوشن نکارا
MENJAYAKAN WAWSAN NEGARA
23 FEBRUARI 2020

Melayu Islam Beraja sebagai falsafah pembangunan bangsa dan negara. Logo ini jika dilihat dari dalam ke luar, menandakan bahawa kita berpandangan jauh ke hadapan (*outward looking*) dalam mencapai kehendak pembangunan menuju Wawasan Brunei 2035. Logo ini adalah hasil karya Awang Mohammad Abdul Aziz bin Haji Mohd Ali, Pereka Bentuk Bebas (Freelance Designer) yang memenangi Pertandingan Mencipta Logo, yang dibukakan kepada orang ramai bermula 10 Oktober hingga 31 Oktober 2019 lalu.

Pengarah Kesihatan Persekutuan, Dr. Hajah Anie Haryani binti Haji Abd. Rahman, dalam sesi soal jawab mengenai dengan peserta atau orang ramai mempunyai simptom demam panas, batuk dan selesema diharap tidak perlu hadir menyertai atau menyaksikan sambutan itu nanti.

Menurutnya, pada masa ini Negara Brunei Darussalam belum ada sebarang kes Coronaviru, akan tetapi pihak Kementerian Kesihatan sudah melaksanakan langkah-langkah untuk penjagaan. Kementerian Kesihatan juga akan sentiasa memantau semasa upacara besar-besaran tersebut. Bagi pemantauan peserta-peserta, pihak kesihatan menasihatkan agar mana-mana peserta yang kurang sihat tidak perlu datang.

"Pihak kesihatan tidak menyediakan tempat-tempat untuk pengasingan jika mana-mana peserta yang demam. Penyediaan yang disediakan khas untuk kes-kes kecemasan dan dinasihatkan agar orang ramai atau tetamu jika mempunyai simptom demam tidak diperlukan hadir dan orang ramai yang ingin melihat upacara tersebut agar menjaga kebersihan," jelasnya.



ANTARA yang hadir pada Sidang Media tersebut.

Bersama mencegah jangkitan COVID-19

Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin

BERAKAS, Rabu, 12 Februari. - Coronavirus adalah sekumpulan virus yang boleh menyebabkan beberapa jenis penyakit seperti batuk dan selesma termasuk batuk, sakit tekan dan kesukaran bernafas yang belum mempunyai rawatan khusus dan vaksin bagi mencegah jangkitan virus tersebut.

Amalan kesihatan yang baik pada setiap masa hendaklah diti坑 beratkan seperti mengelakkan daripada menyentuh haiwan hidup yang sakit, termasuk ternakan dan burung; mengelakkan daripada memakan daging yang mentah atau tidak dimasak dengan

sempurna; dan mengelakkan daripada mendekati orang yang sakit, kurang sihat atau menunjukkan tanda-tanda penyakit seperti demam panas, batuk atau sesak nafas.

Di samping itu, mengekalkan tahap kebersihan diri; kerap membasuh tangan dengan air yang bersih dan sabun (terutamanya sebelum mengendalikan makanan, sebelum makan, selepas menggunakan tandas, atau selepas batuk atau bersin); memakai penutup muka (*mask*) jika mempunyai tanda-tanda jangkitan pernafasan seperti batuk atau selesma; menutup mulut dengan

tisu ketika batuk atau bersin, dan membuang tisu itu ke dalam tong sampah dengan segera; dan mendapatkan rawatan perubatan dengan segera jika berasa kurang sihat.

Pegawai Perubatan, Dr. Lena binti Haji Mat Salleh berkata pada Sesi Muzakarah Kementerian Kesihatan bersama Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Penghulu-penghulu Mukim dan Ketua-ketua Kampung mengenai Jangkitan Penyakit Coronavirus (COVID-19) di Dewan Al-Afiah, Kementerian Kesihatan, Berakas, di sini.

Hadir, Ahli-ahli MMN, Setiausaha Tetap; Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Pengurusan); serta Pegawai-pegawai Kanan; dan pegawai-pegawai daripada Kementerian Kesihatan.

Taklimat diteruskan lagi dengan sesi soal jawab.

Bagi maklumat lanjut, orang ramai bolehlah menghubungi Talian Nasihat Kesihatan menerusi talian +673 2381380 atau +673 2381383 pada waktu bekerja, iaitu Isnin hingga Khamis dan Sabtu bermula jam 7.45 pagi hingga 12.15 tengah hari dan 1.30 petang hingga 4.30 petang.

Bagi panggilan di luar waktu bekerja, orang ramai boleh terus menghubungi Talian Darussalam 123 atau melalui laman sesawang www.moh.gov.bn/SitePages/2019/nCoV.aspx untuk maklumat lanjut mengenai COVID-19.



SEBAHAGIAN daripada Penghulu-penghulu Mukim dan Ketua-ketua Kampung yang mendengarkan Sesi Muzakarah yang disampaikan oleh Pegawai Perubatan, ketika Sesi Muzakarah berlangsung (kiri dan kanan).



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) dan Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan antara yang hadir pada Sesi Muzakarah Kementerian Kesihatan bersama Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Penghulu-penghulu Mukim dan Ketua-ketua Kampung mengenai Jangkitan Penyakit Coronavirus (COVID-19).



Pupuk kepekaan minda masyarakat



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (dua, kiri) hadir selaku tetamu kehormat bagi menyaksikan Pelancaran Kempen Kesedaran Ibu dan Anak 2020 bersempena Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-36, Tahun 2020.

GADONG, Rabu, 12 Februari. - Kempen Kesedaran Ibu dan Anak 2020 adalah kempen kesedaran sepadu bagi melindungi, sekali gus membimbang ibu dan anak bersempena Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-36, Tahun 2020 yang akan diraikan tidak lama lagi.

Kempen slogan 'Anak-anak Pembentuk Masa Depan 2035' adalah bersesuaian dengan erti melindungi tunas bangsa kerana mereka adalah aset pewaris bangsa dan penerus generasi 2035.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi menyaksikan pelancarannya di The Mall, Gadong ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

Kempen dijayakan bersama dengan jabatan-jabatan dan kementerian-kementerian, terdiri daripada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan; Kementerian Kesihatan; Pusat Dakwah Islamiah; Biro Kawalan Narkotik; Pasukan Polis Diraja Brunei; dan Radio Televisyen Brunei juga pertubuhan bukan kerajaan, iaitu Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam dan SMARTER.

Misi kempen adalah bagi memupuk kepekaan minda masyarakat dalam menangani isu dan gejala sosial secara sepadu, selain memberi bimbingan rohani dan sokongan daripada segi fizikal juga mental ke arah peningkatan kualiti hidup.

Galeri pameran bagi kempen




ANTARA jemputan yang hadir pada Pelancaran Kempen Kesedaran Ibu dan Anak itu.



PERSEMBAHAN daripada Pusat Ehsan Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam memeriahkan lagi acara tersebut.

Menteri Pertahanan Kedua terima kunjungan hormat



YANG Berhormat Menteri Pertahanan Kedua (lima, kanan) menerima kunjungan hormat daripada Timbalan Setiausaha Pertahanan bagi Asia Selatan dan Asia Tenggara, Amerika Syarikat (lima, kiri) di Kementerian Pertahanan.

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pertahanan

BERAKAS, Jumaat, 14 Februari. - Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof menerima

kunjungan hormat daripada Timbalan Setiausaha Pertahanan bagi Asia Selatan dan Asia Tenggara, Amerika Syarikat, Tuan Reed Werner, pagi tadi.

Semasa kunjungan tersebut,

Menteri Pertahanan Kedua telah berkesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada Tuan Reed Werner atas pelantikan beliau sebagai Timbalan Setiausaha Pertahanan yang

berkuat kuasa di sekitar penghujung tahun 2019. Kedua belah pihak juga telah mengesahkan hubungan pertahanan yang teguh antara kedua buah negara, dengan pelbagai bidang kerjasama pertahanan dan ketenteraan yang terjalin termasuk pertukaran lawatan, latihan tentera dua hala, peluang latihan serta penglibatan Amerika Syarikat dalam beberapa platform berbilang hala di rantau ini, termasuk ASEAN Defense Ministers' Meeting-Plus (ADMM-Plus).

Terdahulu, Tuan Dr. Joseph H. Felter III yang sebelum ini menjawat jawatan tersebut telah berada di Negara Brunei Darussalam pada bulan Julai 2018. Sebagai Timbalan Setiausaha Pertahanan bagi Asia Selatan dan Asia Tenggara, Tuan Reed Werner bertanggungjawab sebagai penasihat bagi kepimpinan pertahanan Amerika Syarikat dalam perkembangan dan pelaksanaan dasar pertahanan, strategi dan perancangan di Asia Selatan dan Asia Tenggara.

Memohon perlindungan daripada Allah Subhanahu Wata'ala

Berita dan Foto :
Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin

BERAKAS, Khamis, 13 Februari. - Bagi memohon ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala agar para pengguna jalan raya sentiasa diberikan perlindungan daripada kemalangan dan perkara-perkara yang tidak diingini, Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya (MKKJR) mengadakan Majlis Membaca Ratib Al-Attas, Sembahyang Sunat Hajat dan Fardu Asar Berjemaah di Surau Lapangan Terbang Antarabangsa Berakas, di sini.

Di samping itu, acara tersebut juga diselajurkan dengan bacaan doa khas untuk memohon perlindungan kepada Allah agar rakyat dan penduduk di negara ini terhindar dari segala wabak penyakit dan bala bencana.

Hadir, Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof selaku Pengerusi MKKJR.

Juga hadir, Timbalan Menteri Pembangunan, Yang Mulia Dato Seri Paduka Ar. Awang Haji Marzuke bin Haji Mohsin selaku



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi (empat, kanan) selaku Pengerusi Majlis Kebangsaan Keselamatan Jalan Raya (MKKJR) bersama Yang Mulia Timbalan Menteri Pembangunan (tiga, kiri) antara yang hadir pada Majlis Membaca Ratib Al-Attas, Sembahyang Sunat Hajat dan Fardu Asar Berjemaah di Surau Lapangan Terbang Antarabangsa Berakas.

Timbalan Pengerusi MKKJR; Setiausaha Tetap Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC), Awang Haji Mohammad Nazri bin Haji Mohammad Yusof; Setiausaha Tetap (Infrastruktur, Perumahan dan Profesional), Kementerian Pembangunan, Ir. Awang Haji Amer Hishamuddin bin Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Awang Haji Zakaria; Timbalan

Setiausaha Tetap (Infokomunikasi, Cybersecurity, Strategi & Korporat), MTIC, Awang Haji Hairul Mohd. Daud bin Haji Abdul Karim; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pengangkutan, Penyelidikan dan Perkembangan), MTIC, Pengiran Haji Mohd. Zain bin Pengiran Haji Abd. Razak juga Ahli-ahli MKKJR; ketua-ketua jabatan; dan pegawai-pegawai kanan MTIC; juga agensi-agensi

berkepentingan.

Dalam kesempatan ini, MKKJR terus menyeru kepada semua pengguna jalan raya untuk memulakan setiap perjalanan dengan doa, di samping meningkatkan kewaspadaan dengan memberikan tumpuan dan perhatian penuh ketika memandu di jalan raya juga mengamalkan sikap pemanduan yang berhemah.

Para pemandu juga diseru

untuk sentiasa mementingkan keselamatan juga mengamalkan pemakaian tali pinggang keledar, tidak menggunakan telefon bimbit semasa memandu dan untuk sentiasa mematuhi had laju yang ditetapkan juga tanda-tanda isyarat lalu lintas yang dipamerkan demi menjaga keselamatan bersama dan bagi mengelakkan sebarang kejadian yang tidak diingini berlaku.



SEBAHAGIAN daripada yang hadir pada Majlis Membaca Ratib Al-Attas, Sembahyang Sunat Hajat dan Fardu Asar Berjemaah tersebut (kiri dan kanan).

Teater Muzikal tonjol kerjasama budaya, seni dua negara

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 14 Februari. - Berkisarkan suasana Perancis pada musim sejuk tahun 1950-an, satu persembahan Teater Muzikal bertajuk '8 Women' dengan tema misteri pembunuhan membuka tirainya malam tadi yang mengambil tempat di Serambi Batil, Tarindak D'Seni, di ibu negara.

Ia merupakan sebuah persembahan berbentuk Teater Muzikal mengisahkan lapan wanita yang cuba untuk merungkai misteri pembunuhan tuan rumah.

Hadir selaku tetamu kehormat menyaksikan persembahan tersebut ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B)

Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Teater Muzikal yang mendapat sambutan luar biasa daripada para penonton yang hadir malam tadi merupakan arahan Pengarah Teater, Joanna Kwan.

Persembahan Teater Muzikal itu merupakan projek kerjasama antara Alliance Française dan 247 Studios sebagai salah satu acara dan aktiviti bersempena Bulan Francophonie 2020, yang mana tahun ini menampilkan persembahan teater karya Robert Thomas yang ditulis pada tahun 1958 dan disiarkan di layar skrin oleh François Ozon pada tahun 2002.



Teater Muzikal anjuran Alliance Française Brunei Darussalam dengan sokongan Kedutaan Besar Perancis di Negara Brunei Darussalam, antara lain diharapkan ingin menonjolkan kerjasama budaya dan seni di antara kedua-dua buah negara.

La Francophonie dimanifestasikan dalam pertukaran, dialog dan interaksi antara kedua-dua budaya yang kaya serta pelbagai, di mana rasa ingin tahu bersama telah meningkatkan penganjuran acara budaya dan panorama tersendiri.

Para pelakon amatur yang terlibat dalam pementasan teater ini diberikan kelas bimbingan oleh jurulatih suara dari Neo Classic Music School dan oleh Charlotte Lim dari D'Music Motion Fitness Studio, dan setiap karakter turut mengenakan busana yang dibuat oleh Perekra Perancis dari Kemboja, Éric Raisina.

Éric Raisina akan memperkenalkan koleksi terbaharunya pada 15 Februari ini di No. 15, Simpang 140-36, Jalan Tunku dari jam 11.00 pagi hingga 5.00 petang.



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (dua, kanan) hadir selaku tetamu kehormat menyaksikan persembahan teater muzikal bertajuk '8 Women' di Serambi Batil, Tarindak D'Seni, di ibu negara.



SEBAHAGIAN babak daripada persembahan teater muzikal '8 Women' (kiri). Manakala gambar kanan, antara orang ramai yang turut hadir menyaksikan teater muzikal tersebut.



KETUA Pegawai Eksekutif DARE ketika berucap.

GADONG, Rabu, 12 Februari. - Program Hubungan Usahawan Wanita ASEAN - Jepun Kali Ke-4 (AJWELP) anjuran Pusat ASEAN - Jepun (AJC) merangkumi Pembentangan Perniagaan yang bertujuan untuk menghubungkan awal permulaan usahawan wanita dengan syarikat sokongan dan mentor.

Petang tadi, berlangsung Sesi Pembentangan Perniagaan Finalis AJWELP yang mewakili setiap negara anggota ASEAN dengan memperlihatkan pelan perniagaan mereka dan cabaran yang dihadapi di hadapan tuan rumah syarikat dan usahawan wanita yang ditubuhkan (mentor) dari negara anggota ASEAN dan Jepun.

Majlis yang berlangsung di Hotel Antarabangsa Rizqun itu dihadiri oleh Ahli Majlis

AJWELP bantu pengusaha wanita

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Fdr. Ar. Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abdul Rahman, juga selaku anggota ASEAN Business Advisory Council Brunei; Secretary General of AJC, Tuan Yang Terutama Mr. Masataka Fujita; dan Ketua Pegawai Eksekutif DARE, Mr. Javed Ahmad.

AJWELP dianjurkan bersama oleh Darussalam Enterprise (DARE) dengan kerjasama Sekretariat ASEAN, Jawatankuasa Penyelaras ASEAN mengenai Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (ACCM SME), Rangkaian Usahawan Wanita ASEAN (AWEN) dan organisasi lain yang berkaitan.

Dalam pada itu, AJC turut mengalu-alukan penyertaan usahawan wanita yang mempunyai cita-cita dalam memulakan perniagaan sendiri terutama daripada negara anggota ASEAN.

Kali ini, sebanyak 24 syarikat sokongan (terdiri dari 20 syarikat tempatan dan empat dari rangkaian ASEAN) menyertai program tersebut yang mana mereka ini kemudiannya akan memilih para finalis mereka untuk memberikan peluang bagi membangunkan rangkaian dengan mereka melalui perundingan perniagaan dan penerimaan rangkaian.

Majlis di sebalah malamnya pula turut diselanjurkan dengan penyampaian sijil dan pengumuman sokongan kepada para finalis yang terpilih.

Terdahulu, Mr. Javed Ahmad

dalam ucapannya menyatakan apa yang lebih menarik untuk dilihat dari AJWELP adalah keupayaan peserta untuk maju secara positif daripada menjadi peserta untuk menjadi mentor dan model peranan untuk program berkenaan.

Beliau juga berharap agar negara tuan rumah turut memberi inspirasi kepada para usahawan wanita lain di negara ini, dan AJWELP adalah sebagai platform untuk terus menyumbang kepada pertumbuhan mampan di rantau ini dan seterusnya.

Sementara itu, Mr. Masataka Fujita dalam ucapannya menghuraikan mengenai Pusat ASEAN - Japan (ASEAN - Japan

Centre - AJC).

Menurut beliau, ia adalah sebuah organisasi di antara kerajaan di Tokyo, yang ahli-ahlinya adalah 10 negara anggota ASEAN dan Jepun.

"Kami telah menjalankan pelbagai aktiviti selama 30 tahun yang lalu dengan misi untuk menggalakkan pertukaran perdagangan, pelaburan, pelancongan dan pertukaran rakyat antara ASEAN dan Jepun," terangnya.

AJWELP tambahnya adalah sebahagian daripada usaha AJC

untuk meningkatkan pertukaran di antara rakyat, yang bertujuan untuk memperkasakan permulaan usahawan wanita ASEAN dan Jepun dengan menghubungkan mereka dengan syarikat sokongan, mentor dan rakan-rakan AJWELP lain untuk pembangunan perniagaan mereka.

Majlis Penyampaian Sijil kepada syarikat sokongan, mentor dan para peserta, disempurnakan oleh Ketua Pegawai Eksekutif DARE bersama Secretary General of AJC, TYT Mr. Masataka Fujita.



ANTARA peserta yang mengikuti Program Hubungan Usahawan Wanita ASEAN - Jepun Kali Ke-4 (AJWELP) anjuran Pusat ASEAN - Jepun (AJC).

Peletakan batu asas rumah milik Baitul Mal



YANG Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwel Ugama mendengar penerangan mengenai pembinaan rumah berkenaan.



PEMBINAANNYA dijangka siap dalam masa sembilan bulan mengikut pasaran semasa.

MUMONG, Khamis, 13 Februari. - Pembinaan rumah daripada Badan Tanmiah Harta, Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) merupakan salah satu daripada pelan strategik pelaburan badan tersebut, bertepatan dengan misi, bagi maksud menjana pendapatan tetap yang menjurus kepada pembangunan sosioekonomi umat Islam di Negara Brunei Darussalam.

Badan Tanmiah Harta, MUIB hari ini mengadakan majlis peletakan batu asas bagi pembinaan rumah dua tingkat di atas tanah milik Baitul Mal, Kampung Mumong.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut, Timbalan Menteri Hal Ehwel Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Bahrom bin Pengiran Haji Bahar selaku Naib Yang Di-Pertua MUIB dan juga Pengerusi Lembaga Pengarah Badan Tanmiah Harta, MUIB.

Menurut Penolong Pengurusan Badan Tanmiah Harta MUIB, Mohammad Zul Fadhl bin Haji Mas Hood ketika ditemu bual, insyaAllah pada masa akan datang, pihak Badan Tanmiah Harta MUIB akan meneruskan membuat pembangunan pembinaan bangunan dan perumahan-perumahan.

Jelasnya, ia tidak hanya tertumpu kepada pembangunan perumahan saja, pihak mereka juga



YANG Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwel Ugama selaku Naib Yang Di-Pertua Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB) dan juga Pengerusi Lembaga Pengarah Badan Tanmiah Harta, MUIB pada majlis peletakan batu asas bagi pembinaan rumah dua tingkat di atas tanah milik Baitul Mal, Kampung Mumong.

Oleh : Noraisah Haji Muhammed

Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

akan cuba membuat binaan yang di luar kebiasaannya dan akan mencuba mencari pelaburan berbentuk lain.

Bangunan yang dibina itu dijangka akan siap dalam masa sembilan bulan mengikut pasaran semasa, di mana akan disewakan kepada pihak-pihak yang berkeinginan untuk menyewa dengan hasrat untuk membantu

dan dalam jangka masa panjang, akan memberikan pulangan yang baik.

Hadir sama, Timbalan Pengerusi, Ahli-ahli Lembaga Pengarah Badan Tanmiah Harta MUIB, pegawai-pegawai kanan daripada Kementerian Hal Ehwel Ugama, Pemangku Pengarah, pegawai-pegawai dan kakitangan Badan Tanmiah Harta MUIB.

My Bill Payment mudahkan sumbangan kepada Pusat Ehsan



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara (kiri) semasa melancarkan aplikasi 'My Bill Payment' bertempat di Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Bengkurong.

BENGKURONG, Jumaat, 14 Februari. - Aplikasi My Bill Payment wujud sejak tahun 2009, dan digunakan oleh ramai orang untuk membayar bil-bil mereka.

Pengenalan 'Modul Amal' baru-baru ini di dalam aplikasi berkennaan oleh ThreeG Media Sdn. Bhd. mempermudah cara

untuk membuat sumbangan dan sesiapa sahaja yang mempunyai telefon bimbit dan Visa atau Mastercard boleh menderma kepada kempen sumbangan Pusat Ehsan dengan hanya menekan paparan pada skrin mereka.

Ini akan menjimatkan masa dan

kerumitan mereka ke Pusat Ehsan untuk membuat sumbangan, di samping setiap satu sen yang dicagarkan melalui aplikasi ini masuk terus ke akaun Baiduri Bank Pusat Ehsan.

Ahli Jawatankuasa Pengurusan Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Mr. Simon Leong menggariskan mengenai perkara itu dalam ucapan alu-aluan beliau pada Majlis Pelancaran Aplikasi My Bill Payment bagi kempen sumbangan Pusat Ehsan yang berlangsung pagi tadi bertempat di Dewan Baru pusat berkennaan, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat merasmikan pelancaran kempen tersebut secara Live Demo, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Iswandy bin Ahmad.

Aplikasi tersebut dilancarkan bagi memudahkan orang ramai menderma ke Pusat Ehsan, selain itu, ia juga merupakan aplikasi mudah alih percuma, yang tersedia untuk kedua-dua IOS dan Android.

Setakat ini, aplikasi berkennaan

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Hamzah Mohidin

mencapai lebih daripada 300,000 urus niaga yang telah dibuat oleh ahli yang berdaftar.

Pada majlis itu juga, satu sumbangan berjumlah BND1,103 melalui kutipan My Bill Payment disumbangkan kepada Pusat Ehsan yang diserahkan kepada Pemegang Amanah Eksekutif Pusat Ehsan, Pengiran Datin Hajah Noraini binti Pengiran Dipa Negara Laila Diraja Pengiran Haji Abdul Momin.

Majlis pagi itu juga turut diselajurkan dengan Sambutan Tahun Baharu Cina anjuran Persatuan BLIA, yang kemudiannya diikuti dengan penyampaian beberapa sumbangan derma dari Ahli-ahli Persatuan BLIA yang diserahkan kepada Pemegang Amanah Kanan Pusat Ehsan, Dato Paduka Mohd Alimin bin Haji Abd. Wahab.

Atur cara juga turut diserahkan dengan beberapa persempahan

daripada Penuntut-penuntut Pusat Ehsan dan dari Persatuan BLIA.

Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam merupakan sebuah badan kebajikan bukan kerajaan dan tidak berdasarkan keuntungan, yang menyediakan pembelajaran khas, latihan, pemeliharaan dan perkhidmatan pemuliharan anggota tubuh badan kepada insan-insan istimewa di negara ini.

Pada masa ini, seramai 230 penuntut istimewa berdaftar di pusat berkennaan Cawangan Kampung Bengkurong dan 60 orang lagi di Cawangan Pusat Ehsan di Daerah Kuala Belait.

Sehubungan itu, Pusat Ehsan sentiasa mengalu-alukan syarikat-syarikat persendirian dan orang ramai yang ingin menyumbangkan sebarang derma ke pusat berkennaan, dan sebarang maklumat lanjut bolehlah melayari laman sesawang pusat berkennaan di www.pusatehsan.org.bn.



PARA pelajar Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam yang hadir pada majlis tersebut (kiri dan kanan).



AHLI Jawatankuasa Pengurusan Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Mr. Simon Leong semasa menyampaikan ucapan alu-aluan beliau.

UBD - KBRI kukuhkan kerjasama pendidikan



TUAN Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Indonesia ke Negara Brunei Darussalam menyampaikan sumbangan buku koleksi Indonesia daripada Kedutaan Besar Republik Indonesia (KBRI) kepada Naib Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD).

TUNGKU LINK, Khamis, 13 Februari. - Perpustakaan Universiti Indonesia (KBRI) di Negara Brunei Darussalam (UBD) hari ini menerima sumbangan buku koleksi Indonesia daripada

Kedutaan Besar Republik Indonesia (KBRI) di Negara Brunei Darussalam.

Sumbangan tersebut bertujuan untuk memperkaya literasi

kepada masyarakat akademik di Brunei, di samping memperkuatkan lagi hubungan antara kedua-dua buah negara.

Sumbangan buku disampaikan oleh Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Indonesia di negara ini, Tuan Yang Terutama Dr. Sujatmiko kepada Naib Canselor UBD, Datin Dr. Dayang Hajah Anita Binurul Zahrina binti Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz di UBD Business Library.

Antara 50 koleksi buku yang meliputi pelbagai topik yang berkaitan dengan negara tersebut iaitu kesusasteraan, masyarakat dan budaya, bahasa, sains dan

persekitaran, ekonomi, sejarah dan undang-undang.

TYT Dr. Sujatmiko semasa berucap menyatakan hubungan dua hala yang sangat erat di antara kedua-dua belah pihak telah lama terjalin terutama dalam bidang pendidikan.

Menurutnya lagi, UBD juga bekerjasama dengan Universitas Indonesia, Institut Teknologi Bandung, Universitas Airlangga dan Universitas Gajah Mada di bawah Rangkaian Universiti ASEAN (AUN) dalam akademik

dan penyelidikan termasuklah dalam program pertukaran kajitangan dan pelajar melalui Program UBD Discovery Year.

Sementara itu, di bawah Konsortium Rangkaian Kajian Borneo (BSN) pula, sekretariatnya kini katanya dipegang oleh UBD dan UBD turus bekerjasama dengan sembilan peneraju terkemuka Indonesia di Borneo dalam bidang akademik dan penyelidikan yang berkaitan dengan kajian Borneo.



TYT berbual bersama Naib Canselor UBD pada majlis tersebut (atas). Sementara gambar kanan, antara yang hadir pada majlis tersebut.



SMARTER Brunei, YASKA terima sumbangan



CECILIA Lee (tengah) menyerahkan cek kepada Naib Pengurus Yayasan Kanak-Kanak Kanser (YASKA).

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 13 Februari. - Persatuan SMARTER Brunei dan Yayasan Kanak-Kanak Kanser (YASKA) masing-masing menerima sumbangan berjumlah BND2,000 hasil daripada jualan gambar-gambar yang dipamerkan

pada Pameran Kesedaran Pencemaran Lautan (Marine Awareness Pollution Exhibition) pada 1 hingga 8 Februari lalu.

Gambar-gambar pada pameran yang diadakan di Kedutaan Republik Turki di Negara Brunei Darussalam tersebut merupakan

hasil kreativiti seorang penyelam yang diiktiraf secara komersial, iaitu Cecilia Lee.

Penyerahan cek disampaikan oleh Cecilia Lee kepada Pemangku Yang Di-Pertua Persatuan SMARTER Brunei, Pengiran Zamri bin Pengiran Haji Bujang pada majlis penyerahan di Ibu Pejabat pertubuhan berkenaan, di Kampung Mata-Mata, di sini.

Beliau kemudian menyerahkan cek sumbangan kepada Naib Pengurus YASKA, Tsara' Nawwarah binti Abdullah Chen yang berlangsung di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, di sini.

Hadir pada majlis penyerahan itu ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Turki ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Mehmet Suat Akgun.

Tuan Yang Terutama turut menyerahkan sumbangan berbentuk buku-buku kepada YASKA.

Cecilia ketika ditemui berkata, beliau telah melakukan aktiviti penyelaman sejak tahun 1991, di mana sepanjang 29 tahun itu beliau telah banyak menangkap gambar-gambar bawah lautan.

"Di samping mengumpul dana daripada jualan foto-foto tersebut, kami juga ingin meningkatkan kesedaran kepada kanak-kanak

Berita dan Foto : Marlinawaty Hussin



PENYERAHAN cek disampaikan oleh Cecilia Lee kepada Pemangku Yang Di-Pertua Persatuan SMARTER Brunei.

dan orang ramai supaya tidak mencemarkan lautan kerana lautan yang tercemar akan menjadikan kesejahteraan manusia. Oleh

itu, adalah penting bagi kita menjaga kebersihan pantai," kata pemilik Angeline Beauty and Fitnesses ini.

Risalah 1K1P, padanan perniagaan pelanggan bersama pengusaha

TUTONG, Rabu, 12 Februari. - Buku Risalah Satu Kampung Satu Produk (1K1P) Daerah Tutong Kategori Perkhidmatan yang mengandungi sebanyak 21 tempat-tempat lawatan dan dua penyedia perkhidmatan yang ditawarkan oleh 23 Pengusaha 1K1P dengan memuatkan maklumat seperti lokasi, tempat berhubung dan aktiviti-aktiviti lawatan yang disediakan kepada pengunjung dan pelawat.

Dalam masa yang sama risalah ini akan memudahkan orang ramai untuk menerokai dan memilih mana-mana produk perkhidmatan



KETUA Pegawai Eksekutif, Badan Kemajuan dan Kreatif Daerah Tutong semasa berucap pada majlis tersebut.

Berita dan Foto : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

yang sesuai bagi mengadakan aktiviti lawatan sama ada secara persendirian, berkumpulan atau rombongan.

Buku Risalah berkenaan dihasilkan atas inisiatif bersama Jabatan Daerah Tutong dan Badan Kemajuan dan Kreatif Daerah Tutong dengan kerjasama Majlis-Majlis Perundungan Kampung Daerah Tutong.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif, Badan Kemajuan dan Kreatif Daerah Tutong, Awang Muhamad Amir bin Haji Umarali, daripada tiga fasa penerbitan berkenaan seramai 64 pengusaha disenaraikan dan lebih 170 jenis produk 1K1P.

Tambahnya, sebagai *shopping directory* kepada orang ramai dan pengguna, ia diharapkan dapat mewujudkan kaedah *direct contact* pengguna dengan pengusaha untuk memenuhi sebarang permintaan. Buku risalah ini juga berperanan sebagai padanan perniagaan di antara pelanggan bersama pengusaha.

Majlis Pelancaran Buku Risalah 1K1P Daerah Tutong Kategori Produk Perkhidmatan diadakan di Bangunan Lama Pejabat Daerah Tutong, Pekan Tutong, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi melancarkan buku risalah berkenaan, Setiausaha Tetap (Bandaran dan Daerah) Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (kiri) melancarkan Buku Risalah Satu Kampung Satu Produk (1K1P) Daerah Tutong Kategori Perkhidmatan (atas kanan). Sementara gambar kanan, beliau menyaksikan pameran produk perkhidmatan.

Negeri, Awang Salminan bin Haji Burut.

Pada majlis itu, tetamu kehormat majlis serta para jemputan juga berkesempatan menyaksikan Galeri 1K1P bagi pameran produk perkhidmatan serta beramah mesra dengan pengusaha - pengusaha produk yang tersenarai di dalam buku risalah tersebut.

Pelancaran Buku Risalah 1K1P Daerah Tutong Kategori Perkhidmatan ini adalah kesinambungan daripada Buku Panduan 1K1P Kategori produk makanan, minuman, kesihatan, kecantikan dan Buku Panduan 1K1P Kategori produk kraf tangan yang masing-masing dilancarkan pada bulan Januari dan November tahun lalu.

Orang ramai yang berhasrat untuk memuat turun buku-buku risalah ini dalam bentuk e-book bolehlah melayari laman sesawang : tutong.click.



Memantapkan ilmu menghalusi solat, rahsianya



RA'ES Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) menyampaikan Kuliah Perdana beliau.



PEMANGKU Dekan Fakulti Syariah, KUPU SB semasa menyampaikan ucapan alu-aluannya.

Berita dan Foto : Saerah Haji Abdul Ghani

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 14 Februari. - Kewajipan menuaikan solat terus berkekalan dan tidak akan gugur daripada diri seorang mukalaf walau dalam apa jua situasi dan keberadaannya selama dia masih bernaafas serta berakal kerana kewajipan

sembahyang itu merupakan tiang atau asas kepada agama Islam. Solat juga merupakan amalan pertama yang akan dihisab oleh Allah Subhanahu Wata'ala di akhirat kelak.

Perkara demikian merupakan inti pati Kuliah Perdana, bertajuk

'Demonstrasi Solat' pada Kursus Intensif Menghalusi Solat dan Rahsianya, yang disampaikan oleh Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Dr. Haji Adanan bin Haji Basar.

"Oleh itu, wajib ke atas setiap individu Muslim untuk menuaikan solat sesempurna mungkin mengikut rukun dan syarat yang telah ditetapkan di dalam syarak," ujarnya pada kursus yang berlangsung di Dewan Tarbiyah, kolej berkennaan.

Tambahnya, kepentingan untuk khusyuk dalam solat sama ada dari aspek fikiran, bacaan dan perbuatan, iaitu dengan menyatukan pemikiran dan merasakan ihsan kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Sementara itu, Pemangku Dekan Fakulti Syariah, KUPU SB, Awang Azman bin Haji Kassim dalam ucapan alu-aluannya berkata, menyedari akan pentingnya menuaikan ibadat solat secara sempurna, maka kursus dihasilkan sebagai salah satu komitmen KUPU SB untuk sentiasa memberi sumbangan dan khidmat masyarakat, khususnya dalam bidang akademik.

Tambahnya, kursus tersebut diadakan selama dua bulan, iaitu

pada setiap Jumaat, bermula hari ini sehingga bulan April 2020 nanti. Kursus intensif solat yang disertai oleh lebih 100 peserta itu, antara lain mengongsikan beberapa tajuk, termasuk rahsia solat, Ashab al-Jabirah, Azan dan Iqamah, rukun sembahyang, sujud sahwai, sunat-sunat sembahyang

dan sembahyang orang yang sakit yang disampaikan oleh pensyarah-pensyarah, Fakulti Syariah KUPU SB. Orang ramai yang berminat untuk mengikuti kursus berkennaan bolehlah menghubungi Fakulti Syariah, KUPU SB menerusi talian +673 223 6277 pada waktu pejabat.



ANTARA yang hadir pada Kursus Intensif Menghalusi Solat dan Rahsianya.

Program Sua Muka barigakan maklumat semasa

Berita dan Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

TEMBURONG, Khamis, 13 Februari. - Program Sua Muka yang dikelolakan Jabatan Penerangan bagi sesi 2018-2019 mengumpulkan kira-kira 50 isu yang diketengahkan ke beberapa agensi kerajaan dan swasta.

Selain itu, program berkenaan mengongsikan data isu bagi sesi 2017/2018 iaitu sebanyak 195 (98 peratus) isu telah diselesaikan dari 199 isu yang telah diterima.

Pada acara berlangsung di Balai Raya Kampung Selapon di sini, rombongan Jabatan Penerangan

yang diwakili Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad berkesempatan mengetahui pelbagai isu dan permasalahan yang dibangkitkan oleh para penduduk kampung tersebut.

Isu-isu yang disuarakan antaranya berkaitan mengenai penyediaan prasarana, kemudahan awam, aktiviti perekonomian dan hal-hal lain.

Awang Mawardi juga menekankan para penduduk kampung untuk mengamalkan kerja gotong-royong dan sentiasa

selalu mengekalkan kebersihan alam sekitar.

Beliau juga menggariskan beberapa kesalahan dalam tatacara dan penyalahgunaan bendera kebangsaan serta memahami dalam mengenali penyebaran maklumat palsu.

Pelita Brunei sempat menemu bual salah seorang ahli Majlis Perundingan Kampung, Pitrus bin Apoi yang antaranya menyambut baik inisiatif program anjuran Jabatan Penerangan tersebut yang merupakan platform bagi para penduduk dalam menyuarakan segala permasalahan yang mereka hadapi.

Pada majlis itu, para penduduk juga diperkenalkan Aplikasi

Mudah Alih Jabatan Penerangan 'InfoDeptBN' serta diterangkan tatacara untuk memuat turun aplikasi berkenaan melalui Google Playstore bagi pengguna Android dan App Store bagi pengguna iOS.

Antara maklumat yang diperoleh seperti Epaper Pelita Brunei, Penerbitan, Waktu Sembahyang, Iklan Jawatan Kosong dan banyak lagi.

Program itu dilaksanakan lima ke enam kali dalam sebulan dan 60 kali pada satu tahun bagi Daerah Brunei dan Muara. Manakala bagi Daerah Belait sebanyak 11 kali setahun, Daerah Tutong enam kali setahun dan Daerah Temburong sebanyak lima kali setahun.

Semua isu yang diterima akan disampaikan kepada agensi-agensi kerajaan yang berkaitan untuk makluman dan tindakan mereka



PEMANGKU Pengarah Penerangan semasa berucap pada Program Sua Muka yang diadakan di Balai Raya Kampung Selapon.

masing-masing.

Kampung Selapon mempunyai keramaian 483 orang dengan bilangan jumlah sebanyak 67 di bawah pimpinan Pemangku Ketua Kampung Selapon, Awang Yaakup bin Ismail.



ANTARA penduduk Kampung Selapon yang hadir semasa Program Sua Muka yang berlangsung di Balai Raya Kampung Selapon.



SESI bergambar ramai bersama Pemangku Pengarah Penerangan.

PUJA anjur AGM, pelantikan jawatankuasa baru 2020 - 2021

Siaran Akhbar dan Foto : Pertubuhan Ukur Jurutera dan Arkitek

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 13 Februari. - Bahagian Kejuruteraan PUJA (Brunei) menganjurkan Mesyuarat Am Tahunan (Annual General Meeting) pada malam Rabu, 12 Februari bagi Jawatankuasa baru

untuk tahun 2020 hingga 2021, diketuai oleh Pengurus baharu, Ir. Alice Lim yang mana berjanji untuk mendedikasikan perkhidmatannya kepada pembangunan dan kemajuan institusi dan rakan-rakan

seperjuangan, memperkuuhkan kedudukan dan reputasi profesional, dengan memberikan keprihatinan terhadap kepentingan awam dan masyarakat.

Jawatankuasa ED yang baru ini akan berkhidmat selama dua tahun, yang mana serupa dengan pimpinan pengurus yang sebelumnya, Ir. Haji Mohamad Zin bin Haji Salleh yang berjaya mengetuai bahagian berkewajipan dalam menganjurkan pelbagai acara kejuruteraan, seperti program pembangunan profesional yang berterusan untuk jurutera dan profesion berkaitan

dalam industri pembinaan, mewakili PUJA dalam mesyuarat Pertubuhan Kejuruteraan ASEAN.

Sejurus selepas mesyuarat tersebut, Pengurus baharu berkenaan juga turut melahirkan rasa terima kasihnya kepada ahli-ahli yang hadir pada malam tersebut dan menghargai pengurus terdahulu dalam menerajui bahagiannya mencapai kejayaan dan dengan menetapkan tahap yang diperoleh sebagai cabaran besar untuk disepadan. Beliau juga turut mengumumkan bahawa ED berasa begitu

gembira kerana Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Ir. Awang Haji Suhaimi bin Haji Gafar bersetuju untuk terus menjadi penasihat khas utuk bahagian ini.

Bahagian ini juga telah memilih Ir. Hajah Fatimah binti Haji Mohd Ali sebagai Naib Pengurus, Ir. Simon Leong Kian Ann sebagai Setiausaha; Matius anak Belyan pula dilantik sebagai Pengurus Jurutera Muda sementara Hong Fui Jia pula dilantik sebagai Ketua Jurutera Wanita dan lapan orang ahli yang lainnya.

STKRJ Rimba alami gangguan bekalan air

Siaran Akhbar : Jabatan Kerja Raya

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 13 Februari. - Jabatan Kerja Raya (JKR), Kementerian Pembangunan ingin memohon maaf kepada penduduk-penduduk Kampung STKRJ Rimba terutamanya penduduk Simpang 127, Simpang 134 dan Simpang 135 dan sekitarnya mengenai gangguan bekalan air yang sedang dialami pada masa ini.

Untuk makluman, paras air Tangki Rimba buat sementara ini masih dalam tahap yang rendah kerana penghasilan air bersih dari Loji Rawatan Air Bukit Barun belum stabil.

Walau bagaimanapun, Jabatan tersebut sedang berusaha menjalankan beberapa operasi-operasi tertentu agar pembekalan air kembali seperti biasa secepat mungkin.

JKR juga ingin mengambil peluang ini untuk memohon kerjasama semua pihak untuk berjimat cermat dalam penggunaan air serta menghubungi Talian Darussalam 123 bagi pembekalan air bersih melalui *tanker* atau sebarang aduan berhubung pembekalan air bersih.

Sekali lagi, JKR ingin meminta maaf atas perkara ini dan ingin berterima kasih atas kefahaman dan kesabaran orang ramai.



SESI bergambar ramai Ahli-ahli PUJA semasa Majlis Mesyuarat Am Tahunannya.

...Sekitar Perkampungan Sivik Lepasan Ijazah...

Peserta PSLI terima sijil



PEMANGKU Pengarah Penerangan selaku Penasihat Program Perkampungan Sivik Lepasan Ijazah (PSLI) Negara Brunei Darussalam Kali Pertama bagi Tahun 2020 menyempurnakan penyampaian sijil kepada Peserta Program PSLI berkenaan.

TEMBURONG, Khamis, 13 Februari. - Program Perkampungan Sivik Lepasan Ijazah (PSLI) Negara Brunei Darussalam Kali Pertama bagi Tahun 2020 diteruskan lagi bagi

hari keenam, iaitu hari terakhir program diadakan.

Selelah menjalani pelbagai perisian program, termasuklah beberapa siri aktiviti, lawatan dan ceramah, Program Perkampungan

Berita dan Foto : Muhammad Akmal Haji Ali

Sivik menutup tirainya malam ini dengan Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil kepada 15 Peserta Program PSLI Negara Brunei Darussalam yang diadakan di Resthouse Pekan Bangar, Daerah Temburong.

Hadir selaku tetamu kehormat, Pemangku Pengarah Penerangan selaku Penasihat Program PSLI Negara Brunei Darussalam Kali Pertama bagi Tahun 2020, Awang Mawardi bin Haji Mohammad.

Turut hadir Pemangku Pegawai Penerangan Kanan selaku Timbalan Pengurus Program, Dayang Ruhil Amal Faridah binti Awang Yahya.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha beramai-ramai dan Doa Selamat yang diketuai oleh Muhammad Qutbul Islam bin Haji Suhaimi.

Majlis diteruskan dengan ucapan daripada Ketua Peserta Program PSLI Negara Brunei Darussalam

Kali Pertama bagi Tahun 2020, Nurhasif bin Mohamed Hussaini dan diikuti pula dengan Penyampaian Sijil kepada para peserta program daripada Pemangku Pengarah Penerangan selaku Penasihat Program PSLI Negara Brunei Darussalam Kali Pertama bagi Tahun 2020.

Peserta PSLI merupakan bakal pemimpin yang akan meneruskan survival bangsa dan negara. Sejarah dengan perkembangan, mereka perlu diberikan kefahaman dan maklumat mengenai falsafah, aspirasi dan matlamat negara agar nanti dapat mengimbangi pengetahuan akademik dan peluang pekerjaan yang lebih mencabar.

Program ini akan menjadi salah satu platform bagi mempersiapkan para peserta khususnya lepasan-lepasan ijazah mengharungi pelbagai cabaran masa depan dan mempersiapkan



UCAPAN daripada Ketua Peserta Program PSLI Negara Brunei Darussalam Kali Pertama bagi Tahun 2020, Nurhasif bin Mohamed Hussaini.

diri sebagai generasi berwawasan, berkualiti, memiliki kemahiran yang tinggi serta mampu berdikari tanpa mengharap bantuan orang lain.

Lawatan beri banyak pengetahuan berguna



PARA peserta Program PSLI juga berkesempatan berkunjung ke Studio Radio dan Studio Rampai Pagi (kiri), sementara gambar kanan, para peserta menyaksikan alat untuk menayangkan filem lama (projektor) yang pernah digunakan oleh Jabatan Penerangan sekitar tahun 80-an ketika dahulu.



TEMBURONG, Khamis, 13 Februari. - Program Perkampungan Sivik Lepasan Ijazah Negara Brunei Darussalam Kali Pertama bagi Tahun 2020, hari ini, diteruskan lagi pada hari

keenam dan terakhir program tersebut.

Pada hari terakhir program diadakan, para peserta berkesempatan membuat Lawatan ke Jabatan Radio dan Televisyen

Brunei Cawangan Daerah Temburong yang terletak di Pekan Bangar Daerah tersebut berhampiran tempat tinggal peserta, iaitu di Pusat Belia Cawangan Temburong.

Di sini peserta program menghadiri Taklimat yang disampaikan oleh pihak Jabatan Radio Televisyen Brunei dan para peserta program juga berkesempatan berkunjung ke tempat Studio Radio dan Studio Rampai Pagi.

Seterusnya para peserta program membuat Lawatan ke Jambatan Daerah Temburong menuju ke Daerah Brunei dan Muara yang terletak di Kampung Labu Estate, Temburong.

Di sini para peserta diberikan taklimat yang disampaikan oleh pihak Jabatan Kerja Raya mengenai proses pembinaan jambatan.

Dari sini, para peserta kemudiannya dibawa melawat ke Jabatan Penerangan Cawangan Daerah Temburong yang terletak di Bangunan Jabatan Daerah

Temburong.

Di sini, para peserta diberikan maklumat mengenai matlamat Jabatan Penerangan dan mereka juga berkunjung ke perpustakaan juga Bilik Mesyuarat Jabatan Penerangan Cawangan Temburong dan berkesempatan berinteraksi bersama pekerja-pekerja di sana.

Wakil Pelita Brunei juga berkesempatan menemu buah peserta program iaitu Meisur bin Hamid, Lepasan Ijazah daripada Universiti Teknologi Brunei, antaranya menjelaskan mengenai lawatan yang dibuat.

Jelasnya, di mana sepanjang lawatan dibuat seperti di Jabatan Radio Televisyen Brunei kami diberikan taklimat mengenai Radio Televisyen Brunei (RTB) dan sejarahnya bagi cawangan Temburong selain berkesempatan mengunjungi studio radio dan rampai pagi, selain melihat sendiri secara langsung bagaimana pemberita menyampaikan berita, dan bagaimana rakaman dibuat, menyaksikan secara lebih dekat lagi peralatan-peralatan yang digunakan dan skrin hijau yang digunakan dan sebagainya, dengan

adanya lawatan yang diberikan ia sedikit sebanyak menambah lagi pengetahuan peserta mengenai RTB, di samping berpeluang membuat lawatan ke Jabatan Temburong yang merupakan salah satu pengalaman yang begitu menyeronokkan.

Sementara, Muna Fathiah binti Haji Mohd. Don, Lepasan Ijazah daripada Universiti Brunei Darussalam pula berkata, di mana selepas melawat di Jambatan Temburong, mereka kemudiannya melawat ke Jabatan Penerangan Cawangan Temburong dan diberi penerangan mengenai Fungsi Jabatan Penerangan, sejarah Jabatan Penerangan Temburong, mengenai Pelita Brunei dan Laman Sesawang, Instagram Jabatan Penerangan, penjualan buku dan bermacam-macam lagi dan berkesempatan melihat alat untuk menayangkan filem lama (projektor) yang pernah digunakan oleh Jabatan Penerangan sekitar tahun 80-an ketika dahulu, di samping berpeluang menyaksikan filem Melayu 80-an yang merupakan pengalaman yang amat berguna dan menyeronokkan.



MEISUR bin Hamid, Lepasan Ijazah Universiti Teknologi Brunei.

MUNA Fathiah binti Haji Mohd. Don, Lepasan Ijazah daripada Universiti Brunei Darussalam.

...Sekitar Perkampungan Sivik Lepasan Ijazah...

Penerus legasi pemimpin masa kini

Berita dan Foto :
Muhammad Akmal Haji Ali



PENGASAS Bersama Generasi Bekarh, Muhammad Hanis bin Haji Osman semasa ditemu bual.

TEMBURONG, Rabu, 12 Februari. - Program Perkampungan Sivik Lepasan Ijazah Negara Brunei Darussalam Kali Pertama bagi Tahun 2020, hari ini diteruskan lagi bagi hari kelima.

Pada sebelah pagi, para peserta program menghadiri ceramah motivasi daripada Mejor (B) Rusli Bujang di Pusat Belia, Daerah Temburong.

Diikuti dengan Forum Belia yang disampaikan oleh Pengasas Bersama Generasi Bekarh,

Muhammad Hanis bin Haji Osman dan Guru Pusat Tingkatan Enam Tutong dan juga panel, Nurul Hadina Haji Alias yang dipengerusikan oleh Pemangku Pegawai Penerangan Kanan selaku Ketua Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Dayang Ruhil Amal Faridah binti Awang Yahya, bertempat di Stoneville Hotel, Pekan Bangar, Daerah Temburong.

Para peserta juga diberi perkongsian pengalaman dan tip untuk meneruskan perjuangan kehidupan selepas menamatkan pelajaran di universiti masing-masing, supaya para belia tidak hanya mengharapkan peluang pekerjaan daripada kerajaan dan mula melakukan sesuatu untuk menjana ekonomi seperti perniagaan.

Nurul Hadina binti Alias bekerja sebagai Pegawai Pendidikan di Pusat Tingkatan Enam Tutong. Di samping menjadi seorang pendidik, beliau juga komited dalam menghulurkan pelbagai bentuk bantuan secara proaktif dan kreatif.

Setelah menamatkan pengajian sarjana muda dalam bidang Sosiologi, beliau melibatkan diri dalam khidmat masyarakat yang menyahut hasrat kerajaan bagi membentuk sahsiah para belia sebagai pencetus dan penggerak kemajuan negara melalui badan-badan bukan kerajaan seperti Global Shapers dan WeCare.



PARA Peserta Program Perkampungan Sivik Lepasan Ijazah Negara Brunei Darussalam Kali Pertama bagi Tahun 2020 mendengarkan Forum Belia yang disampaikan oleh Pengasas Bersama Generasi Bekarh dan Guru Pusat Tingkatan Enam Tutong dan juga panel bertempat di Stoneville Hotel, Pekan Bangar, Daerah Temburong.

Sejak bulan Jun 2018, beliau melibatkan diri dalam kempen Matlamat Pembangunan Mapan (Sustainable Development Goals) sebagai ASEAN advocate yang berperanan untuk membuka minda masyarakat mengenai tindakan yang perlu diambil supaya negara akan menjadi lebih mapan.

Muhammad Hanis bin Haji Osman merupakan Pengasas Bersama dan Ketua Pegawai Eksekutif Generasi Bekarh, berkelayusan dalam Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Pengurusan Teknologi, Universiti Teknologi Brunei. Beliau beberapa kali mewakili Negara Brunei Darussalam dalam beberapa acara seperti : program JENESYS pada

tahun 2016, program pertukaran Brunei-Korea pada tahun 2019 dan telah diamanahkan untuk menjadi ketua belia di program Rancangan Kapal Belia Asia Tenggara dan Jepun kali ke 44 pada tahun 2017.

Pada tahun lepas, beliau telah diamanahkan untuk menjadi pembaca ikrar utama bagi Majlis Sambutan Hari Belia Kebangsaan Kali Ke-14.

Dalam temu bual bersama Pengasas Bersama dan juga selaku Ketua Pegawai Eksekutif Generasi Bekarh, Muhammad Hanis, beliau menaruh harapan supaya Peserta Program Perkampungan Sivik kali ini menjadi penyebab orang lain untuk mengikuti program ini dan memanfaatkan ilmu yang ada dan

yang diperoleh kerana peluang mengikuti program sebegini merupakan sebuah peluang keemasan yang boleh memberikan manfaat yang berpanjangan.

Peserta-peserta juga diharap akan menjadi pemimpin muda belia yang akan menjadi penerus legasi para pemimpin yang ada pada masa kini.

"Sekiranya menghadapi kesulitan, percaya bahawa itu tanda Allah sayangkan kitani dan Allah muhul kitani berusaha dan bertungkus-lumus di dalam dunia ini dan percaya yang kebaikan yang kita lakukan itu, jika Allah tidak membalaunya di dunia, Allah akan membalaunya di Syurga, insyaaAllah," ujar beliau lagi.



Hulur bantuan kepada golongan memerlukan

Berita dan Foto : Muhammad Akmal Haji Ali

TEMBURONG, Rabu, 12 Februari. - Menghulurkan bantuan dan sumbangan terhadap golongan yang memerlukan menjadi salah satu misi Program Perkampungan Sivik Lepasan Ijazah (PSLI) Negara Brunei Darussalam Kali Pertama bagi Tahun 2020.

Para peserta Program Perkampungan Sivik hari ini menyerahkan Sumbangan Derma

ANTARA penerima sumbangan derma ketika menerima kunjungan daripada para peserta PSLI.

kepada mereka yang memerlukan, iaitu Dayang Noridah binti Haji Hamzah yang tinggal di No. 29, Spg. 744, Kampung Sibulu, Jalan Pendaruan Temada dan Zhamaliyah binti Md. Yusuf yang tinggal di No. 578, Spg. 600, Kampung Rataie, Jalan Pendaruan Temada.

Sumbangan berbentuk kewangan, barang keperluan asasi dan juga barang-barang bantuan tersebut dilakukan oleh



TEKUN... para peserta melakukan aktiviti membersihkan Tanah Perkuburan di Tanah Perkuburan Islam Semamang, Pekan Bangar, Daerah Temburong.



PARA peserta Program Perkampungan Sivik Lepasan Ijazah (PSLI) Negara Brunei Darussalam Kali Pertama bagi Tahun 2020 semasa bergambar ramai pada Majlis Penyerahan Sumbangan Derma kepada mereka yang memerlukan.

Sembahyang berjemaah lambang perpaduan umat Islam

MARILAH kita meningkatkan ketaqwaan kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang beriman dan bertaqwa serta selamat di dunia dan juga di akhirat.

Agama Islam adalah agama perpaduan. Iaitu penyatuan hubungan dalam masyarakat mahu pun kumpulan. Melalui perpaduan, banyak perkara boleh dicapai kerana ia mengujudkan keharmonian antara masyarakat.

Konsep perpaduan ini sangat dipandang tinggi oleh agama Islam, malah ia merupakan kewajipan ke atas kita serta perkara yang sangat-sangat dianjurkan dalam kehidupan sehari-hari kita seperti firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ali 'Imran, Ayat 103 yang tafsirannya :

"Dan berpegang teguhlah kamu dengan tali (agama) Allah, dan janganlah kamu bercerai berai dan ingatlah nikmat Allah kepada kamu ketika kamu bermusuhan-musuhan (semasa jahiliah dahulu), lalu Allah menyatukan antara hati kamu (dengan nikmat agama Islam), maka menjadilah kamu dengan nikmat-Nya itu (orang-orang Islam yang) bersaudara. Dan dahulunya kamu berada di tepi jurang neraka lalu Allah menyelamatkan kamu daripadanya (dengan sebab nikmat Islam). Demikianlah Allah menjelaskan kepada kamu ayat-ayat keterangan-Nya supaya kamu mendapat hidayah".

Sesungguhnya, jika kita ingin menghasilkan umat Islam yang bersatu, maka kita perlu mengutamakan asas perpaduan, adapun salah satu asas perpaduan dan tunjang untuk menegakkan perpaduan umat Islam itu ialah dengan melazimkan sembahyang berjemaah di masjid-masjid.

Diriwayatkan daripada Anas bin Malik, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud :

"Sesungguhnya seseorang imam itu dijadikan supaya diikuti. Oleh itu, apabila dia bertakbir, maka bertakbirlah kamu. Apabila dia sujud, maka bersujudlah kamu. Juga apabila dia bangun, maka bangunlah kamu. Akhirnya apabila dia sembahyang dalam keadaan duduk, sembahyanglah dalam keadaan duduk".

- Riwayat Imam Al-Bukhari dan Muslim.

Hadir ini menyatakan bahawa dalam sembahyang berjemaah, terdapat perpaduan hati dalam ibadat antara imam dan makmum. Di mana, sembahyang berjemaah mampu menggerakkan silaturahim dan persaudaraan sesama Muslim. Secara tidak langsung, kita juga sama-sama berganding bahu untuk mengangkat darjah, kemuliaan, kebenaran serta kesucian agama kita tanpa mengira warna, kaum serta kedudukan pangkat.

Ketahuilah, sesungguhnya ganjaran bagi orang-orang yang menuaikan sembahyang berjemaah itu adalah lebih besar dan utama dari orang-orang yang menuaikan sembahyang secara bersendirian. Daripada Ibnu Umar Radiallahu Anhuma, bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud :

"Sembahyang berjemaah itu lebih utama (baik) daripada sembahyang bersendirian dengan dua puluh tujuh darjah". - Riwayat Imam Al-Bukhari dan Muslim.

Jelaslah kepada kita bahawa, sembahyang berjemaah itu sangat disukai Allah Subhanahu Wata'ala, dan kerana itu Allah Subhanahu Wata'ala memberikan pelbagai kelebihan dan fadilat yang besar kepada hamba-hamba-Nya yang mengerjakan sembahyang berjemaah, terutamanya di masjid-masjid. Antaranya, kita dapat memohon doa beramai-ramai secara berjemaah. Semakin ramai orang berdoa dan mengaminkan, maka semakin yakin doa kita akan dimakbulkan.

Daripada Habib bin Maslampahtul Fihri, daripada Imam Al-Bukhari, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud :

"Tidaklah berhimpun satu jemaah (dalam perhimpunan) lalu berdoa salah seorang di kalangan mereka itu dan yang lain mengaminkan doanya, melainkan Allah perkenankan doa mereka".

Kita amat beruntung, kerana negara kita Brunei Darussalam sentiasa mengambil berat hal ehwal penduduknya dan membuat berbagai inisiatif untuk menghindari dan mencegah perkara yang tidak diingini. Ketika ini, dunia sedang dilanda dengan wabak yang semakin menular ini, alhamdulillah, Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah di masjid-masjid serta balai-balai ibadat di seluruh negara telah giat diadakan terutama sekali selepas Fardu Maghrib dan sebelum menunaikan Sembahyang Fardu Jumaat. Oleh itu, sebagai umat Islam marilah kita sama-sama menunaikan Sembahyang Sunat Hajat dan berdoa agar negara kita dipelihara dan dijauhi dari wabak ini.

Ketahuilah, doa adalah jalinan ikatan di antara Allah Subhanahu Wata'ala dan manusia. Tidak ada hadnya kita berdoa kepada Allah Subhanahu Wata'ala, malah doalah yang akan membawa faedah kepada setiap orang. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah, Ayat 186 yang tafsirannya :

"Dan apabila hamba-hamba-Ku bertanya kepada mu (wahai Nabi Muhammad) mengenai Aku maka (katakan kepada mereka) : Sesungguhnya Aku sentiasa hampir (kepada mereka). Aku memperkenankan permohonan orang-orang yang berdoa apabila dia berdoa kepada-Ku. Maka hendaklah mereka itu menyahut seruan-Ku (dengan mematuhi perintah-Ku) dan hendaklah mereka beriman kepada Ku supaya mereka sentiasa berada dalam kebenaran".

Oleh itu, marilah kita sama-sama hadir ke masjid-masjid bukan sahaja untuk sembahyang berjemaah, tetapi juga mengikuti Sembahyang Sunat Hajat Berjemaah, dan berdoa bersama-sama imam lepas sembahyang fardu, termasuklah Sembahyang Fardu Jumaat,



memohon doa beramai-ramai secara berjemaah bagi memohon perlindungan daripada Allah Subhanahu Wata'ala, supaya negara kita terhindar daripada segala bala bencana termasuklah daripada penyakit berjangkit. Adapun, antara adab yang disarankan selepas sembahyang berjemaah ialah untuk mengaminkan dan menunggu sehingga doa selesai dibacakan oleh imam, dan bukannya terburu-buru meninggalkan masjid.

Akhirnya, semoga dengan usaha yang kita lakukan ini akan direndai oleh Allah Subhanahu Wata'ala, dimakbulkan setiap permohonan kita, dan kita dijauahkan daripada wabak ini. Amin Yaa Rabbal Alamin.

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Hadiid, Ayat 21 yang tafsirannya :

"Berlumba-lumbalah kamu mendapatkan keampunan daripada Tuhan kamu dan (mendapatkan) syurga yang luasnya seluas langit dan bumi yang disediakan bagi orang-orang yang beriman kepada Allah dan rasul-rasul-Nya. Itulah limpah kurnia Allah yang dianugerahkan-Nya kepada siapa yang dikehendaki-Nya. Dan Allah mempunyai limpah kurnia yang besar".



PERTUBUHAN Ukur Jurutera & Arkitek Negara Brunei Darussalam (PUJA) Brunei mengadakan perkumpulan bagi Sesi Ceramah Pendidikan Profesional Secara Berterusan (CFD Talk).

BERAKAS, Khamis, 13 Februari. - Pertubuhan Ukur Jurutera & Arkitek Negara Brunei Darussalam ringkasnya PUJA

CERAMAH mengenai Transformation Info Digital & LEAN Culture disampaikan oleh Sharath Waikar yang diadakan di Dewan Bertabur, Kementerian Pembangunan



Konsep Rangka Kerja LEAN diperkenalkan

Berita dan Foto :
Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

Brunei mengadakan perkumpulan bagi Sesi Ceramah Pendidikan Profesional Secara Berterusan (CFD Talk), bertajuk Transformation Info Digital & LEAN Culture yang diadakan bertempat di Dewan Bertabur, Kementerian Pembangunan, di sini.

Pada edisinya kali ini PUJA Brunei telah mendatangkan Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengasas Bersama Lean Station, Sharath Waikar yang berpengalaman lebih daripada 10 tahun di dalam perniagaan dan membangunkan lebih daripada 10 produk digital berkait rapat dengan tata amalan konsultasi bangunan.

Pada sesi tersebut beliau telah mengongsikan pengalaman beliau

berurusan di Republik Singapura dan melihat kepada permasalahan yang berlaku di sekitar aktiviti-aktiviti projek pembangunan dan memberi tumpuan kepada pemikiran LEAN dan manfaatnya termasuk pengurangan kos dan penyeronohan projek pembinaan yang tepat pada masanya.

Matlamat ceramah yang disampaikan adalah untuk memperkenalkan konsep rangka kerja LEAN kepada Ahli-ahli PUJA Brunei dan syarikat-syarikat pembinaan di Negara Brunei Darussalam agar dapat mengadaptasi dan berubah

menjadi syarikat LEAN dan digital sejajar dengan pelaksanaan peta jalan Penyampaian Integrasi Digital (IDD) dan implementasi peta jalan Transformasi Industri Pembangunan (CITM).

Pada siri ceramah kali ini seramai 70 orang hadir terdiri daripada Pegawai-pegawai Kanan kerajaan juga Ahli-ahli PUJA Brunei.

Acara diakhiri dengan penyampaian cenderahati yang disempurnakan oleh Bendahari PUJA Brunei, Dayang Hajah Hajijah binti Haji Salleh.


IKLAN JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI DENGAN SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BAGI JAWATAN-JAWATAN KOSONG SILA LAYARI

www.recruitment.gov.bn

PERATURAN 7(A)

BILANGAN IKLAN 13/02/20 (SPA/BIKL)

Dibukakan kepada orang rama dan pegawai-pegawai
dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

TARIKH IKLAN: 15 FEBRUARI 2020

TARIKH TUTUP: 29 FEBRUARI 2020

1. GURU SEKOLAH ARAB G.13 BAHAGIAN II KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA KEKOSONGAN = SATU (01) 2020/006/04
2. PEGAWAI PEMELIHARAAN C.3-4 EB.5 BAHAGIAN III PUTUS SEJARAH KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN KEKOSONGAN = SATU (01) 2020/006/05

3. ATACI (PEMBANTU PENYELIDIK KANAN) C.1-2 EB.3 BAHAGIAN III JABATAN UKUR KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI KEKOSONGAN = SATU (01) 2020/006/06
4. JURUTEKNIK RENDAH E.1-2-3 EB.4 BAHAGIAN V JABATAN UKUR KEMENTERIAN PEMBANGUNAN KEKOSONGAN = EMPAT (04) 2020/006/09

PERATURAN 38(A)

BILANGAN IKLAN 11/2020 (SPA/BIKL)

Khusus bagi pemohon daripada kalangan pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat di
Perkhidmatan Awam
Negara Brunei Darussalam.

TARIKH IKLAN: 15 FEBRUARI 2020

TARIKH TUTUP: 29 FEBRUARI 2020

1. PENGARAH SUPERSCALE C BAHAGIAN I BAHAGIAN KEBUDAYAAN DAN KESENIAN KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN KEKOSONGAN = SATU (01) 2020/006/08
2. PENOLONG JURUUKUR AGUNG KUMPULAN 3 BAHAGIAN I JABATAN UKUR KEMENTERIAN PEMBANGUNAN KEKOSONGAN = DUA (02) 2020/006/03

3. PEGAWAI PERTANIAN KANAN B.3 BAHAGIAN II JABATAN PERTANIAN DAN AGRIKULTUR KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN KEKOSONGAN = SATU (01) 2020/004/06
4. JURUTEKNIK RENDAH E.1-2-3 EB.4 BAHAGIAN V JABATAN UKUR KEMENTERIAN PEMBANGUNAN KEKOSONGAN = EMPAT (04) 2020/006/09

PERATURAN 38(B)

BILANGAN IKLAN 12/2020 (SPA/BIKL)

Khusus bagi pemohon daripada kalangan pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian / Jabatan
di mana kekosongan jawatan diiklankan.

TARIKH IKLAN: 15 FEBRUARI 2020

TARIKH TUTUP: 29 FEBRUARI 2020

1. PEGAWAI PELAJARAN KANAN G.15 BAHAGIAN II INSTIUT TAHFIZ AL-QURAN SULTAN HAJI HASANAL BOLKIAH KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA KEKOSONGAN = SATU (01) 2020/006/07
2. PEGAWAI PEMBORONG G.15 BAHAGIAN II INSTIUT TAHFIZ AL-QURAN SULTAN HAJI HASANAL BOLKIAH KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA KEKOSONGAN = SATU (01) 2020/006/07

UNTUK MENGETAHUI MENGENAI:

Syarat-Syarat Am, Tatacara Permohonan dan juga lain-lain maklumat sila kunjungi ruangan Quicklinks dan FAQ's di
www.recruitment.gov.bn

Sebarang pertanyaan mengenai keputusan-keputusan *shortlisting*, hal ehwal ujian dan temuduga hendaklah
menghadapkan ke Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam melalui e-mel query@spa.gov.bn

JABATAN
PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI



Tajuk Sebut Harga 1 :
TERM CONTRACT FOR TWELVE (12) MONTHS MAINTENANCE OF EXTERNAL PIPING & ASSOCIATED WORKS - FSOR
AME / 2020-2021 / SH - 05
(Kelas I dan II)

Tajuk Sebut Harga 2 :
TERM CONTRACT FOR TWELVE (12) MONTHS MAINTENANCE OF INTERNAL PIPING & ASSOCIATED WORKS - FSOR
AME / 2020-2021 / SH - 06
(Kelas I dan II)

Tajuk Sebut Harga 3 :
CONSTRUCTION OF THREE (3) NEW GARBAGE COLLECTION POINTS FOR DEPARTMENT OF CIVIL AVIATION, BRUNEI DARUSSALAM
AME / 2020-2021 / SH - 08
(Kelas I dan II)

Tajuk Sebut Harga 4 :
SUPPLY AND DELIVERY OF HAND PUSH MOBILE COMPACTOR (6 BAYS) TO AME NEW FILLING ROOM
AME / 2020-2021 / SH - 09
(Kelas I dan II)

Tajuk Sebut Harga 5 :
REPAIR WORK OF AIRCOOLED CHILLER NO. 1 SYSTEM B, AT TERMINAL BUILDING BRUNEI INTERNATIONAL AIRPORT
AME / 2020-2021 / SH - 11
(Kelas IV) dan V

Tajuk Sebut Harga 6 :
TO SUPPLY AND DELIVERY 1 UNIT OF TRACTOR VEHICLE ATTACH WITH ROTOR SLASHER
AME / 2020-2021 / SH - 12

Tarikh tutup sebut harga :
Rabu, 19 Februari 2020
(hingga jam 2.00 Petang)



KEMENTERIAN PERTAHANAN



TAWARAN NO. :
JPPK / LTK / 04 / 2020

REMEDIAL WORKS TO OIL PIPING



JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN

YURAN TAWARAN : BND100.00
(TIDAK DIKEMBALIKAN)



DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DI DALAM KELAS : III, IV & V KATEGORI : KA01 SAHAJA - (KOD BAHARU)

Tarikh Tutup :
Selasa, 10 Mac 2020
tidak lewat jam 2.00 Petang

BILANGAN :
JKR / DTS / 05 / BKTKS / 2020 - T/IV
Nama Projek :
KERJA-KERJA MEMBAIK PULIH TANAH SUSUR DI TANGKI AIR KG. SG. HANCHING

No. Projek :
JKR/ BKT - KB/ BM 1394



JABATAN DAERAH TUTONG KEMENTERIAN HAL EHWAH DALAM NEGERI

**JABATAN DAERAH TUTONG
KEMENTERIAN HAL EHWAH DALAM NEGERI**

JAWATAN KOSONG SEBAGAI

**KETUA KAMPUNG TINGKAT I PMKK.3
(BND2,270.00 - BND4,240.00)**

atau

**KETUA KAMPUNG TINGKAT II
PMKK.2
(BND1,990.00 - BND2,970.00)**

atau

**KETUA KAMPUNG TINGKAT III
PMKK.1
(BND1,280.00 - BND2,270.00)**

bagi

DAERAH TUTONG

**1. Kampung Petani, Mukim Pekan Tutong
2. Kampung Keriam, Mukim Keriam**

**3. Kampung Sinaut dan Sungai Kelugos,
Mukim Keriam**

**4. Kampung Bukit Panggal
dan Luagan Dudok, Mukim Keriam**

5. Kampung Tanjung Maya

dan Lubok Pulau, Mukim Tanjung Maya

**6. Kampung Bukit Udal dan Penapar,
Mukim Tanjung Maya**

**7. Kampung Kiudang dan Pad Nunok,
Mukim Kiudang**

8. Kampung Layong, Mukim Lamunin

**9. Kampung Bukit Sulang, Menengah
dan Panchong, Mukim Lamunin**

10. Kampung Merimbun, Mukim Rambai

11. Kampung Benutan, Mukim Rambai

**12. Kampung Bukit dan Long Mayan,
Mukim Ukong**

ADALAH dimaklumkan bahawa Jabatan Daerah Tutong, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dengan suacitanaya mempelawa dan menjemput penduduk-penduduk yang bermastautin di kampung yang tersenarai di atas bagi untuk menghadapkan pencalonan bagi mengisikan jawatan sebagai Ketua-Ketua Kampung.

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN CALON KETUA KAMPUNG

1. Calon Ketua Kampung hendaklah :

(i) Seorang lelaki yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

(ii) Berumur tidak kurang tiga puluh (30) tahun dan tidak lebih lima puluh lima (55) tahun pada tarikh pencalonan diadakan.

(iii) Mempunyai pengetahuan baik dalam Ugama Islam, kemasyarakatan dan adat istiadat dan resam setempat yang lazimnya diamalkan oleh masyarakat kampung berkenaan.

(iv) Mempunyai perwatakan, ketokohan dan sifat-sifat kepimpinan yang baik dan bersesuaian sebagai seorang pemimpin mengikut amalan kehidupan orang-orang Brunei serta bersikap pemedulian dan prihatin.

(v) Calon yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atau di pihak swasta mestilah mendapat sokongan kuat dari Ketua Jabatan atau Majikannya, serta mempunyai laporan penilaian prestasi kerja di tahap yang dinilai sebagai SANGAT BAIK bagi tempoh tiga (3) tahun kebelakangan dari tarikh

pencalonan. Mempunyai laporan penilaian prestasi kerja di tahap yang dinilai sebagai CEMERLANG adalah merupakan satu kelebihan.

(vi) Calon yang terdiri daripada Pegawai Kerajaan akan diberasarkan jika dilantik sebagai Ketua Kampung dan akan menikmati faedah dari jawatannya seperti yang ditetapkan dalam Akta Pencen.

(vii) Calon hendaklah tinggal menetap dan mempunyai rumah kediaman sendiri atau tinggal bersama di rumah kediaman kepunyaan ibu bapanya di kampung ia memohon sebagai Ketua Kampung tidak kurang dua (2) tahun kebelakangan dari tarikh pencalonan.

(viii) Calon yang tidak memenuhi syarat di 1 (vii) di atas hendaklah terdiri daripada penduduk asal di kampung yang ia memohon untuk menjadi Ketua Kampung dan hendaklah tinggal dan menetap di kampung tersebut apabila dilantik sebagai Ketua Kampung sama ada di rumah kediaman sendiri atau rumah kediaman ibu bapanya di kampung berkenaan.

(ix) Disahkan oleh Pegawai Perubatan yang berdaftar dan diiktiraf oleh Kerajaan sebagai sihat tubuh badan sebelum majlis pemilihan dan pengundian dan berupaya menjalankan tugas-tugasnya sebagai seorang Ketua Kampung.

(x) Bersih dan bebas daripada semua tapisan keselamatan, rekod-rekod jenayah, mana-mana tindakan tata tertib dan disiplin semasa berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan atau di pihak swasta atau dalam mana-mana badan atau pertubuhan dan yang berkenaan.

(xi) Tidak diisyiharkan sebagai seorang Muflis di bawah undang-undang yang berkuat kuasa di dalam dan luar negara dalam tempoh dua (2) tahun sebelum tarikh tutup pencalonan.

(xii) Bagi jawatan **KETUA KAMPUNG TINGKAT I** dengan tangga gaji PMKK.3, hendaklah mempunyai kelayakan berikut :

(a) Mempunyai sekurang-kurangnya Diploma Kebangsaan Peringkat Biasa (OND) atau yang sebanding dengannya yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta mempunyai sekurang-kurangnya lima (5) tahun pengalaman kerja dalam pengurusan, pentadbiran dan penyeliaan. Calon yang mempunyai kelulusan lebih tinggi dan pengalaman yang lebih lama akan diberikan keutamaan.

(b) Mempunyai Sijil Sekolah-Sekolah Rendah Ugama Darjah VI adalah satu kelebihan.

(c) Disahkan aktif dalam Majlis Perundingan Mukim dan / atau Majlis Perundingan Kampung dan / atau Jawatankuasa Takmir Masjid oleh Penghulu Mukimnya.

Atau

(d) Telah berkhidmat sebagai Ketua Kampung Tingkat II tidak kurang selama lima (5) tahun. Mempunyai laporan penilaian prestasi SANGAT BAIK bagi tempoh tiga (3) tahun kebelakangan dari tarikh pencalonan. Mempunyai laporan penilaian prestasi kerja di tahap yang dinilai sebagai CEMERLANG merupakan satu kelebihan.

(e) Telah mengikuti kursus dan latihan yang ditetapkan oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

(f) Telah bergiat aktif dalam projek-projek

perekonomian kampung menerusi Satu Kampung Satu Produk semasa memegang jawatan Ketua Kampung Tingkat II.

(g) Telah menerajui kampungnya dalam menyertai Anugerah Kampung Cemerlang semasa memegang jawatan Ketua Kampung Tingkat II.

(xiii) Bagi jawatan **KETUA KAMPUNG TINGKAT II** dengan tangga gaji PMKK.2, hendaklah mempunyai kelayakan berikut :

(a) Mempunyai sekurang-kurangnya satu (1) mata pelajaran peringkat Sijil Am Pelajaran Peringkat Lanjut atau yang sebanding dengannya yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta mempunyai sekurang-kurangnya lima (5) tahun pengalaman kerja dalam pengurusan, pentadbiran dan penyeliaan. Calon yang mempunyai kelulusan lebih tinggi dan pengalaman yang lebih lama akan diberikan keutamaan.

(b) Mempunyai Sijil Sekolah-Sekolah Rendah Ugama Darjah VI adalah satu kelebihan.

(c) Disahkan aktif dalam Majlis Perundingan Mukim dan / atau Majlis Perundingan Kampung dan / atau Jawatankuasa Takmir Masjid oleh Penghulu Mukimnya.

Atau

(d) Telah berkhidmat sebagai Ketua Kampung Tingkat II tidak kurang selama lima (5) tahun. Mempunyai laporan penilaian prestasi SANGAT BAIK bagi tempoh tiga (3) tahun kebelakangan dari tarikh pencalonan. Mempunyai laporan penilaian prestasi kerja di tahap yang dinilai sebagai CEMERLANG merupakan satu kelebihan.

(e) Telah mengikuti kursus dan latihan yang ditetapkan oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

(f) Telah bergiat aktif dalam projek-projek perekonomian kampung menerusi Satu Kampung Satu Produk semasa memegang jawatan Ketua Kampung Tingkat III.

(g) Telah menerajui kampungnya dalam menyertai Anugerah Kampung Cemerlang semasa memegang jawatan Ketua Kampung Tingkat III.

(xiv) Bagi jawatan **KETUA KAMPUNG TINGKAT III** dengan tangga gaji PMKK.1, hendaklah mempunyai kelayakan berikut :

(a) Mempunyai sekurang-kurangnya dua (2) mata pelajaran kredit peringkat Sijil Am Pelajaran Peringkat Biasa atau yang sebanding dengannya yang diiktiraf oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta mempunyai sekurang-kurangnya lima (5) tahun pengalaman kerja dalam pengurusan, pentadbiran dan penyeliaan. Calon yang mempunyai kelulusan lebih tinggi dan pengalaman yang lebih lama akan diberikan keutamaan.

(b) Mempunyai Sijil Sekolah-Sekolah Rendah Ugama Darjah VI adalah satu kelebihan.

(c) Disahkan aktif dalam Majlis Perundingan Mukim dan / atau Majlis Perundingan Kampung dan / atau Jawatankuasa Takmir Masjid oleh Penghulu Mukimnya.

(xv) Syarat-syarat lain

(a) Hendaklah bersedia bertugas pada bila-bila masa dan di mana-mana saja.

(b) Hendaklah bersedia untuk menjadikan rumah kediamannya sebagai tempat perjumpaan dengan penduduk kampung.

(c) Syarat-syarat lain yang dikawal oleh peraturan-peraturan yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa.

TATACARA PENCALONAN KETUA KAMPUNG

1. Setiap pencalonan bagi mengisikan jawatan Ketua Kampung mestilah dibuat mengikut tatacara berikut :

(a) i. Calon hendaklah dicalonkan dengan menggunakan Borang Pencalonan yang disediakan oleh Jabatan Daerah Tutong dengan ditandatangani oleh seorang Pencadang dan dua (2) orang Penyokong. Borang Pencalonan hendaklah juga ditandatangani oleh calon serta disahkan oleh Penghulu Mukim sebagai penyataan pengakuan dan persetujuan ke atas pencalonannya;

Atau

ii. Apabila tidak ada pencalonan atau hanya seorang (1) calon yang dicalonkan melalui proses di Fasal (1)(a) i., ataupun calon-calon yang dikemukakan melalui Fasal (1)(a) i. setelah diperakuan / ditemu duga didapati tidak memenuhi kelayakan yang dikehendaki, maka Pegawai Daerah bolehlah mendapatkan cadangan calon-calon untuk dipertimbangkan bagi mengisikan jawatan Ketua Kampung tersebut daripada Majlis Perundingan Kampung berkenaan.

(b) Penamaan calon atau calon-calon hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Daerah sebelum tarikh penutupan pencalonan dan sebarang penamaan calon selepas tarikh tutup pencalonan adalah tidak sah dan tidak diterima.

(c) Calon yang tidak menandatangani Borang Pencalonan tidak akan diterima sebagai calon.

(d) Penarikan diri daripada pencalonan hendaklah dibuat secara bertulis kepada Pegawai Daerah pada bila-bila masa sebelum tarikh pengundian.

2. Calon, Pencadang dan Penyokong

(a) Pencadang dan Penyokong hendaklah terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atau penduduk tetap Negara Brunei Darussalam berumur tidak kurang lapan belas (18) tahun pada tarikh pencalonan.

(b) Pencadang dan Penyokong hendaklah terdiri daripada penduduk kampung berkenaan dan tinggal menetap di kampung tersebut pada tarikh tutup pencalonan.

(c) Pencadang dan Penyokong hanya boleh mencadangkan dan menyokong seorang calon sahaja.

(d) Pencadang dan Penyokong boleh dicalonkan.

TATACARA MENGHADAPKAN BORANG PENCALONAN:

Keterangan lanjut dan borang pencalonan boleh **didapati** dan **dikembalikan** ke alamat seperti berikut :

**Unit Pentadbiran
Bahagian Institusi Mukim dan Kampung
Jabatan Daerah Tutong
Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri
Negara Brunei Darussalam**

Tarikh Tutup mengembalikan borang pencalonan adalah pada **Sabtu, 19 Rejab 1441 bersamaan 14 Mac 2020, jam 4.00 Petang**.

Sebarang pertanyaan bolehlah menghubungi melalui talian **+673 4222491**.



**MAHKAMAH TINGGI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**DI DALAM MAHKAMAH DI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
DI BANDAR SERI BEGAWAN**

KES NO. BCY / CP / 235 / 2019

**PERBADANAN TABUNG AMANAH
ISLAM BRUNEI**

- Pemutang / Pemetsiyen

AHMAD SAFRI BIN HASSAN

(ABDB IC No. 280744)

- Penghutang / Penentang

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG
TENTANG PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 18 Julai 2019.

Notis adalah diberikan bahawa perjumpaan pertama bagi pemutang-pemutang dalam perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (R1-6) Mahkamah Besar pada **17 Februari 2020**, jam **11.00 Pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat daripada 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi yang hendak digunakan dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat daripada 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam terhadap Penghutang telah ditetapkan pada **17 Februari 2020**, jam **10.30 Pagi**.

Mana-mana pemutang yang telah memberikan bukti, atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, boleh menyoal penghutang dalam pemeriksaan awam baginya berhubung dengan hal ehwalnya dan sebab-sebab kegagalannya.

Bertarikh : 16 Januari 2020

KES NO. BCY / CP / 219 / 2019

**BANK ISLAM BRUNEI DARUSSALAM
BERHAD**

- Pemutang / Pemetsiyen

RAIZAL BIN HAJI RAIDIN

(BYIC No. 00-258277)

- Penghutang / Penentang

NOTIS KEPADA PEMIUTANG

**MAHKAMAH SYARIAH
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PERINTAH ACARA MAL
MAHKAMAH-MAHKAMAH
SYARIAH, 2005**

SAMAN GANTIAN

**DALAM MAHKAMAH RENDAH
SYARIAH
DI DAERAH BRUNEI DAN
MUARA DALAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**SAMAN NO. :
BM / MRS / MAL-A / PO12A / 824 /
10-2019**

DI ANTARA

**SHAH FARINA BINTI SAHAT
- Plaintiff (Pemohon)**

DAN

**MOHAMMAD NIZAM
BIN MOHAMMAD NASRI
- Defendant (Responden)**

KEPADAA :
**MOHAMMAD NIZAM BIN MOHAMMAD
NASRI**
**NO. KAD PENGENALAN : 31-011601
(KUNING)**

TENTANG PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 18 Julai 2019.

Notis adalah diberikan bahawa perjumpaan pertama bagi pemutang-pemutang dalam perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (R1-6) Mahkamah Besar pada **17 Februari 2020**, jam **10.30 Pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat daripada 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi yang hendak digunakan dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat daripada 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam terhadap Penghutang telah ditetapkan pada **17 Februari 2020**, jam **10.30 Pagi**.

Mana-mana pemutang yang telah memberikan bukti, atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, boleh menyoal penghutang dalam pemeriksaan awam baginya berhubung dengan hal ehwalnya dan sebab-sebab kegagalannya.

Bertarikh : 15 Januari 2020

KES NO. BCY / CP / 267 / 2019

**PERBADANAN TABUNG AMANAH
ISLAM BRUNEI**

- Pemutang / Pemetsiyen

AHMAD YANI BIN PAGUN

(BYIC No. 00-119845)

- Penghutang / Penentang

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG
TENTANG PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 5 September 2019.

Notis adalah diberikan bahawa perjumpaan pertama bagi pemutang-pemutang dalam perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (R1-6) Mahkamah Besar pada **17 Februari 2020**, jam **10.00 Pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat

daripada 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi yang hendak digunakan dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat daripada 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam terhadap Penghutang telah ditetapkan pada **17 Februari 2020**, jam **10.00 Pagi**.

Mana-mana pemutang yang telah memberikan bukti, atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, boleh menyoal penghutang dalam pemeriksaan awam baginya berhubung dengan hal ehwalnya dan sebab-sebab kegagalannya.

Bertarikh : 15 Januari 2020

**NUR ELEANA BINTI DP HAJI HAIROL
ARNI**

Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

KES NO. BCY / CP / 447 / 2018

**BANK ISLAM BRUNEI DARUSSALAM
BERHAD**

- Pemutang Penghakiman / Pemetsiyen

Vs

**NURNADIAH BINTI MUHAMMAD
AMIRUDDIN**

(BYIC No. 01-070035)

- Penghutang Penghakiman / Penentang

NOTIS KEPADA PEMIUTANG

TENTANG PERJUMPAAN PERTAMA

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 6 Julai 2019.

Notis adalah diberikan bahawa perjumpaan pertama bagi pemutang-pemutang dalam perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (R1-2) Mahkamah Besar pada **17 Februari 2020**, jam **10.30 Pagi**.

Untuk membolehkan kamu mengundi dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat daripada 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi yang hendak digunakan dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat daripada 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam terhadap Penghutang telah ditetapkan pada **17 Februari 2020**, jam **10.30 Pagi**.

Mana-mana pemutang yang telah memberikan bukti, atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, boleh menyoal penghutang dalam pemeriksaan awam baginya berhubung dengan hal ehwalnya dan sebab-sebab kegagalannya.

Bertarikh : 14 Januari 2020

HJH NOOR AMALINA
BINTI DP HJ. ALAIHUDDIN
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

**JABATAN IMIGRESEN DAN PENDAFTARAN KEBANGSAAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**TAWARAN BAGI MEMBERSIH DAN
MEMELIHARA BANGUNAN DAN
KAWASAN POS KAWALAN
IMIGRESEN SUNGAI TUJOH,
KUALA BELAIT**

**BILANGAN TAWARAN :
01 / IMMB / 02 / 2020**

**TAWARAN BAGI MEMBERSIH DAN
MEMELIHARA BANGUNAN DAN
KAWASAN KOMPLEKS
PEMERIKSAAN DAN KAWALAN
UJUNG JALAN, TEMBURONG**

**BILANGAN TAWARAN :
02 / IMMB / 02 / 2020**

**TARIKH TUTUP :
25 FEBRUARI 2020, SELASA,
JAM 2.00 PETANG**

**TAWARAN BAGI PEMOTONGAN
RUMPUT DAN PEMBUANGAN
SAMPAH DI POS KAWALAN
IMIGRESEN KUALA LURAH DAN
POS KAWALAN IMIGRESEN PUTAT**

**BILANGAN TAWARAN :
03 / IMMB / 02 / 2020**

**TARIKH TUTUP :
26 FEBRUARI 2020, RABU,
JAM 2.00 PETANG**



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**DIBUKAKAN KEPADA
PEMBORONG-PEMBORONG YANG
BERDAFTAR DENGAN
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
DI DALAM KELAS : II & III SAHAJA
KATEGORI :
KA01 SAHAJA - (KOD BAHRU)**

**Tarikh Tutup :
Selasa, 10 Mac 2020
tidak lewat jam 2.00 Petang**

**BILANGAN :
JKR / DBSKB 002 / 2020**

**Nama Projek :
MENAIK TARAF DAN
MEMPERBAHARUI
PERALATAN-PERALATAN
MEKANIKAL DAN ELEKTRIKAL
LOJI-LOJI KUMBAHAN
No. Projek : 2019ADKB / B00411 /
002-003-03**

**YURAN TAWARAN :
BND30.00**

(TIDAK DIKEMBALIKAN)



**(METERAI)
Mahkamah Rendah Syariah
Daerah Brunei dan Muara
Negara Brunei Darussalam.**



Diterbitkan oleh
Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri,
Negara Brunei Darussalam.



InfoDeptBN



Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri
Brunei Darussalam



infodept.bn



infodept_bn

Memperluaskan jaringan strategik pengajian Islam



REKTOR Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) bersama Pemangku Rektor Dagestan Institute of Humanities, Gadzhidadayev Magomed Zayirbegovich selepas memeterai penandatanganan Memorandum Persefahaman (atas). Manakala gambar kanan, Rektor UNISSA bersama Rektor Universiti Islam Kunta Haji, Republik Chechen, Mutushev Abdurahim Abdul Mezhitovich selepas bertukar dokumen perjanjian.



Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 14 Februari. - Dalam usaha memperkembangkan jaringan strategik dan mempromosi tawaran pendidikan Islam yang lebih komprehensif, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) mengadakan sesi lawatan dan perbincangan diteruskan dengan memeterai penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) dengan beberapa buah universiti di Makhachkala, Republik Dagestan dan Grozny, Republik Chechen.

Dalam kunjungan pertama ke Makhachkala, rombongan UNISSA yang diketuai oleh Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfani bin Haji Zainal berpeluang membuat pertemuan dengan Mufti Republik Dagestan, Sohib As-Samahah Sheikh Ahmad Afandi Abdulaev dan Timbalan-Timbalan Mufti, Sheikh Ahmad Kahaev dan Dr. Shihabuddin Guseynov.

Sesi perjumpaan dengan pelajar-pelajar Dagestan Islamic University (DIU) juga diadakan dan merupakan kunjungan balas Rektor UNISSA, di mana sebelum ini pihak rombongan DIU pernah berkunjung ke UNISSA dan memeterai Penandatanganan MoU.

Setakat ini, UNISSA pernah menerima Pelajar-pelajar UID seramai enam orang untuk mengikuti pengajian Program Bahasa Inggeris bagi tempoh satu tahun pengajian.

Rombongan UNISSA juga berkesempatan membuat perjumpaan bersama Tenaga Pengajar dan Pelajar-pelajar Dagestan Institute of Humanities. Melalui perjumpaan ini, UNISSA berjaya melebarkan hubungan kerjasamanya dengan penandatanganan MoU yang dilaksanakan oleh Rektor UNISSA bersama dengan Pemangku Rektor Dagestan Institute of

Humanities, Gadzhidadayev Magomed Zayirbegovich.

Di Makhachkala juga, rombongan diberi kesempatan mengadakan kunjungan hormat kepada Menteri Dasar Kebangsaan dan Hal Ehwal Ugama Dagestan, Yang Berhormat Enrik Muslimov di Pejabat beliau, seterusnya berkesempatan mengunjungi Pedagogical College dan Medical College, iaitu di bawah seliaan Pejabat Mufti Dagestan.

Sepanjang pertemuan dengan tenaga pengajar dan pelajar-pelajar di institusi pengajian tinggi, Dagestan, Rektor UNISSA diberi penghormatan untuk menyampaikan ucapan, antaranya ialah agar hubungan di antara UNISSA dan Dagestan perlu terjalin dengan ikatan silaturahim yang kuat walaupun dari sudut

geografinya kedudukan Brunei dan Rusia begitu jauh kedudukannya.

Namun persamaan dari segi fahaman akidah ahli Sunnah Wal Jamaah dan aliran Mazhab Shafi'i menunjukkan bahawa corak pendidikan Islam di antara dua benua tidak jauh berbeza.

Makhachkala adalah ibu kota Republik Dagestan, yang terletak di Selatan Rusia dan mempunyai jumlah 95 peratus penduduk Islam. Sementara di Grozny, Republik Chechen, rombongan UNISSA telah berpeluang membuat kunjungan hormat kepada Mufti Republik Chechen, Sohib As-Samahah Sheikh Salah Mezhiev. Dalam perjumpaan ini, Rektor UNISSA menyuarakan rasa kagumnya terhadap masyarakat Islam di Rusia khususnya di Chechen yang begitu kuat dalam memperjuangkan kehidupan beragama.

Republik Chechen mempunyai majoriti penduduknya berugama

Islam dan sebuah wilayah yang sedang giat berkembang menuju ke arah pembangunan infrastruktur dan kemajuan mengikut arus kemajuan global.

Penandatanganan MoU dengan Universiti Islam Kunta Haji, Rusia (UIR) dimeterai di Grozny. Bagi pihak UNISSA ditandatangani oleh Rektor UNISSA, sementara UIR ditandatangani oleh Rektor universiti tersebut, Mutushev Abdurahim Abdul Mezhitovich.

Perbincangan di antara kedua belah pihak bersetuju untuk melaksanakan kerjasama strategik dalam bentuk pertukaran pelajar, tenaga pengajar dan pembangunan program akademik. Dalam perjumpaan ini juga, Rektor UNISSA menyambut baik

jalinan kerjasama yang akan dilaksanakan mengikut program - program yang ditawarkan di UNISSA, sama ada dalam Bidang Pengajian Akademik atau Penyelidikan. Beliau juga berharap agar adanya warga Rusia yang akan melanjutkan pelajaran ke UNISSA dalam program jangka panjang atau pendek.

Kunjungan Rektor di kedua-dua buah Wilayah Rusia adalah untuk mengukuhkan hubungan kerjasama strategik di antara Brunei Darussalam bersama Rusia, khususnya dalam bidang pendidikan dan dakwah Islam, di samping untuk membuka jalan untuk mengadakan Program Pertukaran Pelajar mengikut Skim Bahasa di UNISSA.



REKTOR UNISSA bersama Mufti Republik Chechen, Sohib As-Samahah Sheikh Salah Mezhiev.

Pusat-pusat Kursus Ibadat Haji

Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 14 Februari. - Dengan hormat sukacitanya dimaklumkan bahawa Jabatan Urusan Haji, Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Bahagian Bimbingan Haji dan Umrah akan mengadakan Kursus Ibadat Haji bagi Musim Haji Tahun 1441H / 2020M pada setiap Jumaat dan Ahad sebanyak 12 sesi bermula jam 8.00 pagi hingga 10.00 pagi secara serentak di keempat daerah bermula 14 Februari 2020M hingga 12 April 2020M di Pusat-pusat Kursus masing-masing.

Tarikh-tarikh kursus Ibadat Haji tersebut ialah pada 14, 16, 21 dan 28 Februari 2020M; 1, 6, 8, 13 Mac 2020M; dan 3, 5, 10, 12 April 2020M.

Manakala Pusat-Pusat Kursus Ibadat Haji ialah :-

Bagi Daerah Brunei dan Muara di Sekolah Ugama Lambak Kanan, Jalan 1, Kampung Lambak Kanan; Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Amal Umi Kalthum Al-Islam, Kampung Mulaut; Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Hafizah Sururul Bolkiah, Berakas; dan Sekolah Ugama Sungai Besar, Kampung Sungai Besar.

Sementara Daerah Belait ialah Sekolah Ugama Paduka Seri Begawan Sultan Omar Ali Saifuddien, Kuala Belait; dan Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Rashidah Saadatul Bolkiah, Pekan Seria.

Manakala Daerah Tutong di Sekolah Ugama Pengiran Anak Puteri Norain, Daerah Tutong dan Daerah Temburong di Sekolah Persediaan Arab Temburong, Daerah Temburong.

Sehubungan dengan itu, semua bakal-bakal Jemaah haji yang terpilih untuk menunaikan Ibadat Haji Bagi Tahun 1441H / 2020M adalah dikehendaki hadir untuk mengikuti kursus-kursus ibadat haji yang telah diaturkan di pusat-pusat kursus yang telah dipilih.

Gunung Mutiara Agrotech ketengahkan perusahaan Pelajar PB



PEMANGKU Pegawai Daerah Temburong hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan.



PEMILIK Perniagaan Gunung Mutiara Agrotech menyampaikan ucapan alu-aluan.



PEMANGKU Pegawai Daerah Temburong (dua, kiri) bersama Pengarah Politeknik Brunei (tiga, kiri) semasa bergambar ramai pada Majlis Pelancaran Gunung Mutiara Agrotech, Daerah Temburong.

Siaran Akhbar dan Foto : Politeknik Brunei

TEMBURONG, Khamis, 13 Februari. - Politeknik Brunei menerusi Sekolah Perdagangan (SBS) mengadakan Majlis Pelancaran Gunung Mutiara Agrotech di Daerah Temburong.

Gunung Mutiara Agrotech merupakan perusahaan penternakan ayam yang baru dimulakan oleh pelajar Politeknik Brunei, Muhammad Danial Radhi bin Kenaddy sebagai projek perniagaannya di SBS.

Hadir sebagai tetamu kehormat, Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Abdul Ghani bin Haji Othman.

Hadir mengalau-alukan ketibaan tetamu kehormat, Pengarah Politeknik Brunei, Denis Ho Mun Tai, Ketua Jabatan, Ketua SBS, pensyarah dan pelajar.

Pada majlis itu, ucapan alu-aluan disampaikan oleh Pemilik Perniagaan Gunung Mutiara Agrotech, Muhammad Danial Radhi bin Kenaddy sebagai projek perniagaannya di SBS.

melihat ladang juga demonstrasi penyembelihan ayam halal.

Muhammad Danial adalah pelajar tahun akhir yang mengambil Diploma Tahap 5 dalam Pengajian Perniagaan (Keusahawanan) dalam Politeknik Brunei. Ini adalah program diploma tiga tahun yang merangkumi asas-asas perniagaan dan pengurusan dengan tumpuan keusahawanan khususnya.

Dalam tempoh dua semester terakhir dalam tahun akhir program ini, pelajar dikehendaki menyediakan dan mengembangkan idea, rancangan

dan cadangan perniagaan mereka sendiri, dengan matlamat utama menjalankan idea perniagaan mereka. Ini bermula dengan latihan penempatan tiga bulan dengan perniagaan tempatan kecil atau sederhana, di mana dalam kebanyakan kes, pelajar belajar secara langsung daripada pemilik. Untuk tiga bulan akan datang, para pelajar akan menjalani beberapa siri bengkel dan mula mengembangkan idea perniagaan mereka sendiri.

Semester terakhir, pelajar terus mengembangkan idea mereka, dan jika boleh, mula menjalankan perniagaan mereka.

Bermula dengan hanya beberapa

ratus ekor ayam, pengeluaran kini meningkat kepada 1,500 ekor ayam dengan rancangan untuk diperkembangkan lagi.

Gunung Mutiara Agrotech memfokuskan dalam menghasilkan ayam berkualiti dengan menggunakan kaedah semula jadi dengan tujuan meminimumkan penggunaan ubat-ubatan dan bahan kimia dalam pemberian ayam. Visi mereka adalah untuk meningkatkan kesedaran tentang penggunaan bahan kimia yang banyak digunakan dalam penternakan ayam dan menghasilkan ayam yang sihat secara semula jadi.

IBTE tawar 46 program



Oleh : Noraisah Haji Muhammed
Foto : Dk. Nur Hafizah Pg. Osman

KUALA BELAIT, Khamis, 13 Februari. - Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) menawarkan sebanyak 46 buah program sepenuh masa di peringkat Diploma, HNTec dan NTec untuk kemasukan bulan Julai 2020.

Sehubungan itu, pendaftaran untuk mengikuti pengajian ke IBTE dibuka dan permohonan boleh dilakukan dengan melayari laman sesawang

<http://ibte.edu.bn/tvecas>. Tawaran dibuka hingga 29 Februari 2020 dan berakhir pada jam 4.30 petang.

Sehubungan itu, pihak IBTE memaklumkan kepada para pemohon agar mengunjungi Hari Terbuka IBTE yang dijadualkan sebelum membuat sebarang permohonan.

Antara tujuan Hari Terbuka IBTE ini diadakan adalah memberikan peluang

kepada para pemohon dan orang awam untuk melihat lebih dekat lagi mengenai kursus-kursus yang ditawarkan, sekali gus dapat berinteraksi bersama tenaga pengajar dan pelajar IBTE.

Di samping itu, untuk membolehkan orang awam dan pelajar prospek mendapat informasi mengenai program-program yang ditawarkan bagi pengambilan April dan Julai 2020 juga memudahkan mereka berjumpa dengan tenaga pengajar dan bertanya terus mengenai program yang mereka pilih, syarat-syarat kemasukan juga prospek kerjaya program dipilih.



SUASANA semasa Hari Terbuka Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) bagi Pengambilan Sesi Julai 2020 (kiri dan atas).

Selain itu, perkhidmatan mendaftar dalam talian (*online*) juga disediakan oleh pihak kampus, masing-masing bagi membolehkan para pemohon membuat permohonan bagi program-program yang ditawarkan.

Ia juga memberi peluang kepada orang awam dan penuntut melihat sendiri persekitaran kampus dan menambah pengetahuan mengenai kemudahan yang ada.

Jawatankuasa kerja terdiri daripada para pegawai, tenaga pengajar, *non-teaching staff*, majlis pelajar dan wakil pelajar juga penolongnya.

Sementara kelompok sasaran adalah penuntut-penuntut lepasan sekolah yang menamatkan Tingkatan 5 dan mempunyai keputusan bersesuaian dengan syarat-syarat kemasukan bagi setiap program yang ditawarkan.

Pengunjung juga berpeluang melakukan Campus Tour dan boleh pergi ke TVECas *helping desk* untuk membuat permohonan dalam talian.

Sebarang pertanyaan mengenai proses permohonan bolehlah berhubung melalui e-mel ke tvecas@ibte.edu.bn atau hubungi Bahagian Hal Ehwal Pelajar IBTE pada waktu pejabat menerusi talian telefon +673 242 2296.



Semangat patriotisme perlu dijawai, bukan sekadar simbolik

SEMANGAT patriotisme merujuk kepada perasaan cinta akan negara yang mendalam dalam diri seseorang. Semangat ini mampu mempengaruhi masyarakat untuk mengutamakan kepentingan negara berbanding dengan kepentingan diri. Sejak dahulu lagi, pihak kerajaan, masyarakat, pihak sekolah dan ibu bapa telah menjalankan pelbagai langkah untuk memupuk semangat patriotisme dalam kalangan belia. Langkah ini adalah sangat penting kerana generasi muda merupakan bakal pemimpin negara bak kata pepatah 'pemuda harapan bangsa, pemudi tiang negara'.

Namun sejauh manakah masyarakat kita menghayati atau mampu menyemai semangat kemerdekaan atau patriotisme ini dalam diri mereka terutama sekali kalangan anak-anak, remaja dan juga belia. Apa Pendapat Biskita pada kali ini turut mendapatkan beberapa pendapat orang ramai mengenai semangat kemerdekaan, ciri seorangan remaja yang patriotik, cara untuk memupuk semangat patriotisme dalam kalangan anak-anak remaja.

"Bagi pendapat saya, remaja yang patriotik ialah remaja yang sentiasa menghormati lagu dan bendera kebangsaan, hal ini kerana lagu dan bendera kebangsaan menjadi lambang kedaulatan dan kebanggaan sesebuah negara. Lambang ini memaparkan identiti Brunei kita sebagai sebuah negara yang merdeka dan bebas daripada belenggu kuasa asing.

"Hal ini secara tidak langsung menjadi prinsip dan doktrin penting dalam lambang negara untuk memupuk semangat patriotisme dalam diri remaja. Senario ini seiring dengan kata mantan Presiden Amerika Syarikat, John F. Kennedy iaitu, "Usahlah disoal apakah yang boleh dilakukan oleh negara untuk kamu, sebaliknya tanya apaakah sumbangan kamu kepada negara?" Tegasnya di sini, sebagai rakyat yang telah banyak termakan budi kepada negara, remaja yang mempunyai semangat patriotisme harus mempunyai ciri menghormati lagu dan bendera kebangsaan negara.

"Remaja yang patriotik akan mempunyai ciri bergiat aktif dalam agenda kerajaan untuk membangunkan negara. Hal ini demikian kerana peranan golongan belia dalam sesuatu aktiviti peringkat kebangsaan adalah sangat penting sehingga boleh menentukan kejayaan aktiviti tersebut. Seorang remaja yang mempunyai semangat patriotisme yang tinggi adalah yang turut menyambut hari kemerdekaan negara pada setiap tahun. Hal ini supaya remaja sentiasa mengingati usaha-usaha pemimpin negara pada zaman dahulu yang berjuang untuk mendapatkan kemerdekaan negara". - Amal Sahira HK, Mata-Mata, Gadong.

"Pada pandangan saya, langkah yang boleh dilakukan untuk memupuk semangat patriotisme dalam diri generasi muda ialah bermula dari ibu bapa. Misalnya, ibu bapa perlu sering bercerita tentang tokoh-tokoh pejuang tanah air kepada anak-anak. Secara tidak langsung semangat patriotik dapat diterapkan semasa anak-anak masih kecil lagi.

"Ibu bapa haruslah bercerita atau membacakan cerita tentang perjuangan tokoh-tokoh terkenal pejuang tanah air. Ibu bapa perlu mendedahkan jasa-jasa pejuang tanah air dengan memberitahu mereka betapa sukarnya berjuang untuk membebaskan diri daripada belenggu penjajahan. Selain itu, menceritakan peristiwa orang-orang terdahulu hidup semasa zaman penjajahan. Apabila bercerita ibu bapa perlu menekankan betapa pentingnya semangat patriotisme dalam diri kita. Hal ini dapat dilihat apabila orang terdahulu mengharungi pahit maung dan betapa sukarnya untuk mendapatkan makanan, hidup dalam kesusahan dan kesengsaraan serta sentiasa ditzalimi oleh penjajah. Mereka akan dapat membandingkan keadaan hidup dalam pascamerdeka.

"Seterusnya, ibu bapa juga perlu sering membawa anak-anak menyambut hari kemerdekaan. Ibu bapa dan anak-anak perlu melihat atau menyertai sambutan di kawasan setempat atau ibu bapa mengajak anak-anak menyaksikan kemeriahkan kemerdekaan di televisyen. Hal ini demikian akan dapat menjadi medium yang sangat berkesan untuk menyemai rasa cinta akan negara dalam sanubari mereka. Di samping menyaksikan kemeriahkan kemerdekaan akan dapat mengimbang kembali nostalgia dan memori sewaktu negara dijajah. Ibu bapa juga perlu menerangkan kepada anak-anak nikmat menjadi anak pascamerdeka dan bersyukur kerana diberikan keamanan dan kedamaian". - Haji Mohd. Kamarulzaman bin Haji Alias, Jangskar.

"Dalam memupuk semangat patriotik dalam kalangan remaja antara pihak-pihak yang perlu memainkan peranan di dalam menanam semangat kemerdekaan atau patriotik ialah pihak sekolah. Pihak sekolah memainkan peranan yang penting dalam memupuk semangat cinta akan tanah air dalam kalangan remaja. Selain ibu bapa, pihak sekolah adalah pihak yang paling dekat dengan remaja. Pihak sekolah wajib menerapkan serta menyemai semangat patriotik dalam diri remaja.

"Inisiatif yang perlu dilaksanakan oleh pihak sekolah bagi memupuk semangat patriotik ialah memberi penekanan terhadap mata pelajaran Sejarah di sekolah. Dengan ini, setiap pelajar dapat memahami dan mengenal pasti sejarah negara. Pelajar-pelajar juga dapat memperoleh kejayaan yang cemerlang dalam mata pelajaran Sejarah. Maklumat yang diperoleh secara tidak langsung dapat menginsafi para pelajar. Pihak sekolah juga perlu mengadakan lawatan ke tempat bersejarah untuk pelajar-pelajar sekolah supaya menjadi generasi yang mempunyai semangat patriotisme.

"Terdapat banyak tempat bersejarah di negara kita untuk dikunjungi. Tempat-tempat tersebut merupakan monumen yang perlu dipelihara supaya generasi kini akan dapat melihat sendiri dan merasai kesan yang amat mendalam. Pelajar-pelajar akan dapat melihat kesan peristiwa tanah air dan dapat menerapkan semangat cinta akan negara. Pemerhatian mereka terhadap kesan-kesan peninggalan sejarah akan melahirkan semangat juang untuk mempertahankan negara daripada ancaman musuh. Tambahan lagi, generasi kini perlu menyertai program yang dilakukan oleh pihak kerajaan. Contohnya, remaja kini perlu menyertai Program Latihan Khidmat Negara.

"Program ini dipenuhi dengan aktiviti yang memupuk semangat patriotik. Program ini juga merupakan gabungan latihan ketenteraan dan memupuk semangat patriotik kepada mereka ke arah cinta akan negara. Pelatih-pelatih akan dapat mempelajari nilai-nilai murni seperti tanggungjawab, kerjasama dan hormat-menghormati. Hal ini akan dapat memupuk semangat perpaduan yang merupakan elemen yang penting dalam semangat patriotik seperti pepatah 'bersatu kita teguh, bercerai kita robuh'. Di samping itu, program ini akan dapat melahirkan generasi yang mengetahui hal kenegaraan yang berkaitan dengan kerajaan dan kedaulatan negara". - PA. Hazarul Azmi, Muara.

Biskita dialu-alukan menyumbangkan pendapat biskita dengan dua tajuk di bawah, sama ada menggunakan nama sebenar atau nama pena.
Sila e-melkan pendapat biskita ke :
pelita.brunei@information.gov.bn

i. Berhati-hati dan Waspada Musim Kemarau
ii. Semai Semangat Kemerdekaan

Jerih payah sebagai ahli Bomba buahkan kejayaan

Berita dan Foto : Aimi Sani

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 13 Februari. - Sabar, sedia menerima arahan dan berdisiplin adalah antara kunci kejayaan yang dikongsikan oleh Timbalan Pegawai Balai, Dayang Hindun binti Haji Jerudin ketika ditemui sejurus selesai Majlis Penyampaian Tanda Pangkat yang berlangsung di Dewan Serbaguna, Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP), di sini.

Beliau yang bertugas bersama JBP selama 28 tahun menjelaskan, beliau amat bersyukur kepada Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kerana dinaikkan pangkat daripada Penolong Pegawai Balai kepada Timbalan Pegawai Balai.

Menurut beliau, sememangnya bermacam pengalaman dan jerih payah beliau tempuh, bermula dengan penglibatan beliau sebagai ahli anggota Bomba Wanita, namun semua itu adalah tanggungjawab yang harus digalas

oleh setiap ahli Bomba dengan penuh komitmen, sabar dan bersedia menerima arahan daripada pihak atasan dengan baik.

Beliau seterusnya turut merakamkan penghargaan terima kasih kepada Pegawai-pegawai Kanan pihak atasan JBP kerana mengenal pasti segala usaha dan dedikasi beliau terhadap JBP, setentunya menjadi satu dorongan untuk meningkatkan lagi komitmen, kualiti, produktiviti dan mutu kerja lebih efektif ke arah menuju kecemerlangan bagi mencapai visi dan misi jabatan.

Majlis Penyampaian Tanda Pangkat disempurnakan oleh Pemangku Penolong Pengarah Teknikal, Awang Nohi Irwan Surkarki bin Haji Pawi kepada seramai dua orang Penolong Pegawai Balai yang dinaikkan pangkat sebagai Timbalan Pegawai Balai, iaitu Penolong Pegawai Balai, Awang Abdul Aziz bin Haji Jumat; dan Penolong Pegawai Balai, Dayang Hindun binti Haji



TIMBALAN Pegawai Balai baharu, Dayang Hindun binti Haji Jerudin ketika ditemui sejurus selesai Majlis Penyampaian Tanda Pangkat.

Jerudin.

Majlis tersebut dihadiri oleh Pegawai-pegawai Kanan, Pegawai-pegawai, anggota juga kakitangan JBP dan ahli-ahli keluarga pegawai-pegawai yang diraikan bertempat Mes Pegawai, Dewan Serbaguna Bomba, Jalan Landasan Lama Berakas.



SESI bergambar ramai pada Majlis Penyampaian Tanda Pangkat yang berlangsung di Dewan Serbaguna, Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP).



MINDA PEMBACA

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Hasil Pertanian dan Perikanan Negara Penting'. Tarikh Tutup : 19 Februari 2020
2. 'Wujudkan Suasana Harmoni di Tempat Kerja'. Tarikh Tutup : 26 Februari 2020
3. 'Pusat Belia Bandar Seri Begawan'. Tarikh Tutup : 4 Mac 2020

TERMA DAN SYARAT :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditarik jarak **langku dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300 patah perkataan**.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan Lapangan Terbang Lama, Berakas Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi

BND75

SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

DigiBiz buka potensi analisis data perniagaan



Siaran Akhbar dan Foto :
Pihak Berkuasa bagi Teknologi Info-Komunikasi

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 13 Februari. - DigiBiz Talk merupakan salah satu inisiatif daripada Pihak Berkuasa bagi Teknologi Info-Komunikasi (AITI) dalam menggalakkan ICT dan pengadaptasian digital perniagaan, dalam mendukung pertubuhan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) melalui beberapa siri seminar.

Dengan bertemakan 'The Power of Data Analytics', seminar yang berlangsung bertujuan untuk mempromosi peluang-peluang analisis data perniagaan dalam era digital transformasi.

Acara disokong oleh Darussalam Enterprise (DARE), di Auditorium iCentre, Anggerek Desa.

Seminar dimulakan dengan ucapan alu-aluan daripada Pengurus Kanan, Industry Development Group, AITI, Dayang Hajah Fariah Haji Md. Said.

Sementara penceramah pertama, Aziz Samat, Analisis Data dan Tableau Desktop Certified Professional dari Dynamik Technologies Sdn. Bhd., Brunei Darussalam, antaranya menyentuh tentang pentingnya data dan analisis, cara bagaimana analisis

data membantu perniagaan kecil juga memperkenalkan visualisasi data.

Sesi beliau disambung dengan bagaimana visualisasi data mampu mentransformasikan perniagaan dan menunjukkan bagaimana untuk menggunakan alat analisis data dengan menggunakan Tableau.

Sementara dalam seminar yang kedua pula, daripada Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengasas Halosis dari Indonesia, Andrew Darmadi Hendrawan turut membentangkan mengenai analisis data landskap semasa di rantau ini dan bagaimana analisis data dapat membantu memperkembangkan perniagaan.

Pada sesi ini juga menunjukkan bagaimana perniagaan boleh



KETUA Pegawai Eksekutif dan Pengasas Halosis dari Indonesia membentangkan mengenai analisis data landskap semasa di rantau ini (atas), sementara gambar kiri, antara yang hadir pada seminar bertema 'The Power of Data Analytics' itu.

menggunakan analisis data untuk perancangan strategi dalam mencapai sasaran pelanggan.

Beliau juga turut mengongsikan beberapa kajian kes yang menarik tentang bagaimana kejayaan pengusaha kecil dan sederhana di Indonesia mengoptimumkan analisis data menggunakan alat kecerdasan (AI) buatan oleh Halosis.

Seminar itu turut memperlihatkan minat para peserta dengan mengajukan beberapa soalan pada sesi tersebut, selaras dengan objektif seminar, iaitu untuk mempromosikan untuk merumuskan strategi dan memanfaatkan peluang terbesar yang dapat mereka lakukan.

perniagaan tempatan.

Seminar disertai oleh 80 peserta, di mana merangkumi para PKS dan para pelajar dari institusi pengajian tinggi, selain beberapa peserta daripada beberapa agensi kerajaan juga individu yang berminat.

Diharap para peserta beroleh pengetahuan yang terkini mengenai dengan analisis data yang hanya dengan sedikit visualisasi data set dapat memberikan pandangan yang tidak ternilai bagi perniagaan untuk merumuskan strategi dan memanfaatkan peluang terbesar yang dapat mereka lakukan.

Rombongan USN, MKM berganding bahu lakukan aktiviti amal



KERJA gotong-royong merobohkan rumah seorang klien MKM dibantu oleh Pegawai-pegawai Tentera Laut Amerika Syarikat sebagai sumbangan kepada rakyat negara ini.

Produk Ariyana Atelier cetus semangat, inspirasi golongan wanita

Berita dan Foto :
Marlinawaty Hussin

GADONG, Jumaat, 14 Februari. - Pelancaran produk kecantikan tempatan keluaran Ariyana Atelier dihasilkan untuk mencetuskan semangat dan memberi inspirasi kepada golongan wanita khususnya suri rumah tangga dan ibu tunggal yang ingin mencari pendapatan sampingan.

Pemilik Ariyana Atelier, Dayang Noorsuria binti Haji Abas berkata, pelancaran produk serum kecantikan tersebut adalah selaras dengan tema Kempen Kesedaran Ibu dan Anak 2020 iaitu melindungi tunas bangsa kerana mereka adalah aset pewaris bangsa dan penerus generasi 2035.

"Para suri rumah tangga dan ibu tunggal berpeluang untuk menjalankan perniagaan sendiri dari rumah dengan menjual produk kecantikan ini secara online selaku ejen pembekal atau dropship," katanya.

Beliau berkata demikian semasa ditemui Pelita Brunei pada Majlis Pelancaran Produk Kecantikan keluaran Ariyana Atelier di The Mall, di sini.

Beliau menambah, serum berkenaan telah pun berdaftar dan mendapat kelulusan Kementerian Kesihatan Negara Brunei Darussalam.

Oleh itu jelasnya, ia tidak memberi kesan sampingan kepada para pengguna kerana bahan-bahannya dirumus daripada tumbuhan alami serta tidak



PELANCARAN Produk Kecantikan keluaran Ariyana Atelier di The Mall, Gadong.

mengandungi bahan terlarang.

Produk kecantikan Ariyana Atelier Retinol Serum diformulasikan untuk membantu memperbaiki kulit wajah serta mencegah kedaduan dan menegangkan kulit.

Untuk maklumat lanjut

mengenai panduan bagi menjadi ejen pembekal produk berkenaan, orang ramai boleh menghubungi Dayang Noorsuria menerusi talian +673 865 8885 atau mengunjungi Unit T1-21 First Floor Abdul Razak Complex, The Centrepoint, Gadong.



ANTARA tetamu yang hadir pada pelancaran tersebut.

Berita dan Foto :
Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 14 Februari. - Serombongan 21 Pegawai Tentera Laut Amerika Syarikat (USN) yang sedang berada di negara ini berganding bahu bersama Ahli-ahli Jawatankuasa Majlis Kesejahteraan Masyarakat (MKM) melakukan aktiviti amal merobohkan rumah seorang klien MKM yang sudah tidak selamat untuk didiami.

Dayang Jamping binti Haji Shawal, 82 tahun, klien yang tinggal di Kampung Manggis Satu menerima bantuan khidmat kemasyarakatan daripada Pegawai USN sebagai sebahagian daripada aktiviti amal dan kebajikan rombongan tersebut yang dihulurkan untuk golongan yang memerlukan.

Dalam temu bual bersama Pelita Brunei, Ketua Rombongan USN, Leftenan Komander William Couts menzahirkan rasa penghargaan dan ucapan terima kasih kepada MKM dan Kedutaan Amerika Syarikat di Negara Brunei Darussalam kerana mengaturkan projek komuniti ini.

Menurutnya, USN dan Brunei mempunyai hubungan yang baik dan mesra dan aktiviti amal ini merupakan sumbangan kecil yang dapat diberikan oleh kru USN sebagai ucapan terima kasih di atas hubungan baik kedua-dua buah negara.

Projek tersebut merupakan usaha murni MKM untuk membaik pulih rumah klien setelah berjaya mengumpul lebih BND27,000 melalui penjualan tiket - tiket persembahan konsert amal 'MKM Charity Live 2020' yang berlangsung di Jerudong Park Amphitheatre pada 4 Januari lalu.

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Jabatan Penerangan
dan Ihsan Haji Samihon Haji Kechi

Kenali
Negara
Kitani

PANGKALAN WARIS

PONDOK RAMUT TABO

Pangkalan Waris tarikan Kampung Penapar

RUANGAN Kenali Negara Kitani kali ini membawa para pembaca menyelusuri Kampung Penapar di Daerah Tutong. Kampung Penapar terletak di bawah Mukim Tanjong Maya, 14 kilometer (km) dari Pekan Tutong dengan kluasan 8km persegi. Keramaian penduduk di kampung tersebut ialah kira-kira 600 orang.

Pangkalan Waris

Salah satu tempat yang menjadi tarikan di Kampung Penapar ialah Pangkalan Waris. Pemilik Pangkalan Waris, Awang Haji Samihon bin Haji Kechi semasa ditemui menjelaskan, Pangkalan Waris adalah nama yang berasal dari masa lalu yang merujuk kepada masa ketika nenek moyang beliau tinggal di kawasan itu. Pangkalan merujuk kepada tempat di mana orang berkumpul untuk membuat aktiviti harian contohnya mandi di sungai, mengambil air, dan mengumpul sagu dari pokok rumbia. Manakala

Waris pula merujuk kepada warisan kebudayaan kawasan tersebut.

Pangkalan Waris mempunyai 11 pondok dengan namanya yang tersendiri iaitu Pondok Bamban; Pondok Geranchai; Pondok Bulu Taba; Pondok Kelangpapo; Pondok Tering dan Ruang Solat; BBQ Corner; Pondok Pesik Unggang; Pondok Ga Batang; Pondok Bua Jenging; Pondok Ramut Tabo dan Pondok Bunggor.

Sejak pembukaannya pada September 2015, Pangkalan Waris menjadi tumpuan bagi mereka yang gemar memancing. Bergantung kepada keadaan sungai dan air pasang, tempat tersebut juga sering dijadikan tempat lawatan pelancong dari dalam dan luar negara setiap minggu sama ada untuk memancing ikan-ikan yang terdapat di sana atau memancing udang galah yang boleh dikatakan berharga di pasar-pasar ikan. Pangkalan Waris bukan hanya membuka peluang orang ramai untuk menyewa

tempat memancing bagi kaki pancing tetapi juga untuk mereka berehat dan menikmati alam semula jadi. Pangkalan Waris juga sering menerima kunjungan daripada warga Perkhidmatan Awam yang mengikuti kursus persaraan anjuran Institut Perkhidmatan Awam dan sehingga kini telah menerima sebanyak 20 kumpulan sejak dua tahun lalu.

Semua prasarana Pangkalan Waris adalah hasil kerja tangan Haji Samihon sendiri. Ahli-ahli MPK juga turut terlibat sama dalam menyelenggarakan prasarana Pangkalan Waris.

Di samping lawatan ke Pangkalan Waris, pengunjung juga boleh menyaksikan hasil kerja kraf tangan Awang Haji Samihon, di samping produk-produk yang dihasilkan oleh penduduk Kampung Penapar antaranya makanan tempatan seperti Lamban, Penyaram dan sebagainya.

Orang ramai juga boleh berkunjung ke Galeri Lamin Kampung yang

mempamerkan galeri koleksi gambar-gambar lama, sajak dan buku-buku simpanan beliau yang juga merupakan penggemar seni fotografi dan penulis sajak.

Pangkalan Waris dibukakan kepada orang ramai setiap hari bermula 6.00 pagi hingga 6.00 petang kecuali pada hari Jumaat ditutup bermula jam 11.00 pagi hingga 2.00 petang. Bayaran bagi setiap pengunjung ialah BND1 dan sewa bagi setiap pondok selama enam jam pertama ialah BND6 untuk muatan dua orang dan BND25 untuk muatan enam orang. Bayaran BND1 adalah bagi setiap satu jam tambahan.

Untuk maklumat lanjut atau ingin mengetahui perkembangan terkini mengenai Pangkalan Waris orang ramai bolehlah melayari laman sosial melalui Instagram @pangkalan.waris atau menghubungi terus ke talian +673 8771782 atau +673 8873264 atau melalui e-mel pangkalan.waris@gmail.com.



Pembaca Ikrar : Satu penghormatan kepada belia



Dari muka 24

Setelah itu katanya, pada tahun 2012 apabila memasuki alam pekerjaan sehingga kini, beliau giat semula menyertai upacara Hari Kebangsaan.

"Pada tahun ini, terpilih sebagai salah seorang pasukan ikrar merupakan penghormatan bagi diri saya kerana telah diberi kepercayaan. Ia merupakan satu pengalaman yang berharga bagi diri saya kerana bukan mudah untuk menyertai pasukan ikrar ini memandangkan ia berada di barisan yang paling hadapan. Ia mampu menjadi pembakar semangat dan motivasi untuk diri saya agar terus bergerak maju ke hadapan menjadikan Negara Brunei Darussalam sebuah negara yang maju dan cemerlang yang terkenal, di mata dunia serta membantu negara bagi mencapai Wawasan Brunei 2035," katanya lagi.

Menurutnya, para belia perlu bersifat proaktif dalam melibatkan diri mereka dalam mengikuti acara-acara kenegaraan dan acara-acara yang dianjurkan oleh badan-badan kerajaan kerana dalam penganjuran acara seumpamanya mengandungi unsur-unsur ke arah kecemerlangan negara.



PENSYARAH di Politeknik Brunei (PB), Dayangku Dr. Hajah Kamaliah binti Pengiran Haji Saiful Rijal.



PEGAWAI Pelajaran Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah, Pengiran Muhd. Amirul Aiman bin Pengiran Haji Marjuki.

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie
Pg. Haji Nikman

"Contohnya dalam Sambutan Hari Kebangsaan terdapat persembahan ikrar dan persembahan padang. Dalam persembahan itu mengandungi inti pati yang mendalam dan luas untuk menjadikan negara ke arah kecemerlangan Wawasan Brunei 2035," katanya lagi.

Selain itu tambahnya, apabila melibatkan diri dalam Sambutan Hari Kebangsaan boleh menimbulkan perasaan cinta kepada negara yang boleh meningkatkan semangat untuk membawa negara ke arah kecemerlangan.

Bagi Dayangku Dr. Hajah Kamaliah binti Pengiran Haji Saiful Rijal yang merupakan Pensyarah di Politeknik Brunei (PB), buat pertama kali melibatkan diri dalam Upacara Sambutan Hari Kebangsaan.

Beliau berasa sangat bersyukur

ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala, teruja dan gembira kerana terpilih sebagai salah seorang daripada pasukan ikrar bagi Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-36 tahun ini.

Beliau turut menyentuh mengenai peranan belia dalam menuju Wawasan Brunei 2035 bagi memangkin negara terutama dalam melibatkan diri dengan acara-acara seperti Hari Kebangsaan.

"Harapan saya adalah untuk melihat belia dan generasi akan datang untuk mananamkan sifat progresif dan produktif dalam segenap aspek keselamatan sosial, keamanan, persekitaran dan mengelakkan negara yang aman dan makmur juga meningkatkan semangat kekitaan rakyat jati Brunei dengan acuan Melayu Islam Beraja bagi mencapai Wawasan 2035," tambahnya.



AWANGKU Md. Muin bin Pengiran Haji Idris dari Kementerian Pendidikan.



PENGAWAS Pelajar, Pengiran Siti Nur Amalina binti Pengiran Haji Mahmud.



PARA peserta ketika menjalani latihan (kiri dan kanan).

Bersemangat berikan persembahan terbaik!

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 13 Februari. - Kurang daripada dua minggu sahaja lagi, negara akan mengadakan Upacara Perhimpunan Agung Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-36.

Bagi memeriahkan acara perhimpunan agung itu, latihan-latihan terus giat dijalankan termasuk latihan bersepada para peserta bagi persembahan padang bahagian frame.



Latihan pembacaan ikrar HK 2020 giat dijalankan

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 13 Februari. - Persiapan bagi menyambut Ulang Tahun Hari Kebangsaan Ke-36 Tahun semakin giat dijalankan bagi memastikan kelancaran persembahan sambutan.

Salah satu acara kemuncak pada 23 Februari itu ialah bacaan ikrar Hari Kebangsaan.

Bacaan ikrar tersebut merupakan satu tugas yang harus dilaksanakan sejak negara menyambut Ulang Tahun Hari Kebangsaan yang pertama pada tahun 1984 dan sehingga kini ia akan tetap dibaca sebagai tanda kesyukuran dan janji kita sebagai rakyat Brunei kepada raja kita.

Dalam temu bual Pelita Brunei bersama Jurulatih Pasukan Ikrar, Awang Haji Muhammad Khairul Bahrin bin Haji Awang Durahman menjelaskan, persediaan pasukan ikrar untuk Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-36 adalah mengikut program yang disediakan oleh jurulatih sejak 7 Januari lalu.

Pada tahun ini seramai 40 peserta dipilih untuk menyertai pasukan ikrar, terdiri daripada pegawai-pegawai dan kakitangan Perkhidmatan Awam juga wakil-wakil dari sektor swasta dan pada tahun ini juga akan turut disertakan tiga orang wakil Orang Berkeperluan Khas (OBK) dalam pasukan pembacaan ikrar.

Beliau seterusnya menjelaskan, Jawatankuasa Kerja Pembacaan Ikrar menerima pencalonan seramai 200 orang yang mewakili kementerian-kementerian, Anggota Ahli



JURULATIH Pasukan Ikrar, Awang Haji Muhammad Khairul Bahrin bin Haji Awang Durahman.

Berpakaian Seragam, Institusi Pengajian Tinggi, persatuan-persatuan dan sektor swasta, di mana proses pemilihan berlangsung sebanyak dua kali pada bulan November tahun lalu.

Sementara itu, antara kriteria bagi calon pembaca ikrar yang dicalonkan pula jelasnya, hendaklah belia yang berumur di antara 25 hingga 35 tahun yang mempunyai vokal dan suara yang mantap juga dapat menyampaikan teks dengan fasih dan lancar serta tidak mempunyai masalah kesihatan bagi memudahkan kelancaran latihan dan semasa acara sambutan nanti.

"Manakala mempunyai profesion dan latar belakang atau tahap pencapaian yang menyerlah daripada aspek akademik atau penyertaan kegiatan-kegiatan yang diadakan sama ada dalam atau luar negara merupakan satu kelebihan," terangnya lagi.

Seramai 1,800 orang warga Perkhidmatan Awam dan Institusi Pengajian Tinggi terlibat dalam persembahan bahagian frame.

Semasa tinjauan Pelita Brunei di Stadium Negara Hassanal Bolkiah bagi menyaksikan latihan tersebut, semangat patriotik dan rasa cinta kepada negara jelas terlihat daripada para peserta dengan kegigihan mereka menjalani latihan walaupun dalam keadaan cuaca yang panas terik.

Para peserta yang terpilih

jugak beruntung kerana sama-sama menjayakan acara itu nanti, sekali gus menunjukkan ketaatan dan kesetiaan kepada raja serta memamerkan semangat patriotisme yang tinggi terhadap negara.

Mereka akan bergabung bersama seramai 4,500 peserta bahagian teras bagi menjayakan persembahan padang bertemakan 'Menjayakan Wawasan Negara'.

Awangku Md. Muin bin Pengiran Haji Idris dari Kementerian Pendidikan buat pertama kalinya terlibat dalam menjayakan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan, setentunya merasa bangga kerana mampu menyumbangkan bakti kepada negara melalui persembahan padang bahagian frame yang diikuti.

Sementara Pengawas Pelajar, Pengiran Siti Nur Amalina binti Pengiran Haji Mahmud, iaitu salah seorang guru dari Sekolah Menengah Pengiran Isteri Hajah Mariam, Serasa pula menjelaskan semangat para pelajar yang terlibat dapat dilihat dengan kemeriah dan keriangan pada wajah setiap pelajar, selain menzahirkan rasa cinta dan kasih kepada negara.

Pembaca Ikrar : Satu penghormatan kepada belia

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie
Pg. Haji Nikman



منجاياكتن واوسن نڪارا
MENJAYAKAN WAWASAN NEGARA
23 FEBRUARI 2020

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 13 Februari. - Bacaan ikrar merupakan satu tugas yang harus dibuat sejak negara menyambut sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan bermula dari tahun 1984 dan sehingga kini ia tetap dipersembahkan sebagai tanda kesyukuran dan janji kita sebagai rakyat Brunei kepada raja kita.

Dalam temu bual bersama Pegawai Pelajaran Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah (SMALHB), Pengiran Muhd. Amirul Aiman bin Pengiran Haji Marjuki yang merupakan salah seorang peserta pasukan ikrar untuk Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-36 menjelaskan beliau terlibat sejak bangku sekolah lagi sehingga ke peringkat universiti.

Ke muka 23



PARA peserta pasukan ikrar semasa sesi latihan berkenaan.

Sertailah Larian Hari Kebangsaan Ke-36

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 14 Februari. - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) akan mengajurkan Larian Hari Kebangsaan Ke-36 Tahun 2020 di Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan pada Ahad, 29 Mac 2020 sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-36, Tahun 2020.

Sebanyak empat kategori pertandingan disediakan iaitu Kategori Terbuka Lelaki; Kategori Terbuka Wanita; Kategori Veteran Lelaki 45 Tahun Ke Atas (lahir tahun 1975 ke bawah); dan Kategori Veteran Wanita 45 Tahun Ke Atas (lahir tahun 1975 ke bawah) semua dengan jarak 10 kilometer (km). Manakala Kategori Fun Run Terbuka pula sejauh 4km.

Acara larian ini dibuka penyertaannya kepada semua rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam serta warganegara asing yang memegang kad pintar berwarna ungu dan hijau yang bekerja dan bermastautin di negara ini. Yuran penyertaan adalah BND15 setiap seorang dan setiap peserta hanya

dibenarkan menyertai satu kategori sahaja.

Pendaftaran larian akan mula dibuka pada hari Sabtu, 15 Februari hingga 7 Mac 2020 pada hari dan waktu bekerja sahaja bermula pukul 9.00 pagi hingga 11.30 pagi dan 2.00 petang hingga 3.30 petang. Borang penyertaan boleh dimuat turun dari laman sesawang rasmi Jabatan Belia dan Sukan di www.belia-sukan.gov.bn dan juga boleh didapati di Stadium Negara Hassanal Bolkiah (SNHB), Berakas dan Jabatan Belia dan Sukan (JBS) cawangan daerah-daerah.

Borang yang lengkap diisi berserta yuran pendaftaran hendaklah dikembalikan tidak lewat 7 Mac 2020 sebelum pukul 3.30 petang di SNHB, Berakas dan cawangan JBS di daerah-daerah pada hari dan waktu bekerja sahaja.

Sementara pengambilan baju-T dan nombor bib bagi larian tersebut akan diadakan pada 25 dan 26 Mac 2020 pukul 9.00 pagi hingga 3.30 petang, bertempat di SNHB, Berakas; Kompleks Sukan Mumong; Kompleks Sukan

Tutong; dan Kompleks Sukan Temburong.

Sebarang pertanyaan atau keterangan lanjut, sila hubungi Urus Setia Larian Hari Kebangsaan Ke-36, Bahagian Sukan, JBS menerusi talian +673 2382911 / +673 2381914 sambungan 1616 / 1632; +673

3335582 bagi JBS Cawangan Daerah Belait; +673 4260118 bagi JBS Cawangan Daerah Tutong; dan +673 5221718 bagi JBS Cawangan Daerah Temburong; atau layari laman sesawang www.belia-sukan.gov.bn.

Tahukah Awda

JABATAN Perkhidmatan Awam (JPA), Jabatan Perdana Menteri berpindah dan mula beroperasi di alamat baharu pada 2 Januari 2020. Pemindahan bangunan ini adalah bertujuan untuk memudahkan carakan dan meningkatkan lagi perhubungan dengan orang ramai.

Oleh itu, orang ramai yang ingin berurusan dengan pegawai dan kakitangan di jabatan ini, bolehlah terus datang ke lokasi baharu tersebut, pada waktu perkhidmatan, iaitu Isnin hingga Khamis dan Sabtu, jam 7.45 pagi hingga 11.30 pagi; dan pada sebelah petang, jam 1.30 petang hingga 4.00 petang.

Alamat tersebut adalah Simpang 156, Jalan Kumbang Pasang, Bandar Seri Begawan, BA1311, Negara Brunei Darussalam.

Orang ramai yang berhasrat untuk menghubungi jabatan ini boleh berhubung melalui e-mel rasmi jabatan, iaitu info.psd@psd.gov.bn.

SUMBER : Siaran Akhbar Jabatan Perkhidmatan Awam, 14 Januari 2020.



BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

'SEMBAHYANG BERJEMAAH LEBIH UTAMA (BAIK) DARIPADA SEMBAHYANG BERSENDIRIAN'

دربیتکن اوله جباتن قراغن، جباتن قردان منتری دان ڈچیتیق اوله جباتن قرچیتکن کراجأن، نکارا بروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam